

Jilid I
Bil. 2



Hari Khamis
9hb Disember, 1982

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAAH:

Tuan D.P. Vijandran [Ruangan 29]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 29]

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 29]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 43]

Ucapan Takziah kepada keluarga Allahyarham Y.B. Datuk Haji Ismail bin Hassan [Ruangan 45]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 45]

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 75]

Ucapan Terima Kasih di atas perkhidmatan bekas Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara, Y.B. Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin [Ruangan 76]

Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 79]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik)
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ADUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik)
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN H'NG HUNG YONG (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, D.P.S.M., K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).

- Yang Berhormat PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ * DATUK KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN M. K. MUTHUSAMY, K.M.N., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K (Dilantik).
- „ DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ DATO WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENGGU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).

Yang Berhormat DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).
,, TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
,, TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Saleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Khamis, 9hb Disember, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan D. P. Vijandran

**PEMASYHURAN
TUAN YANG DI-PERTUA**

**TITAH UCAPAN KEBAWAH
D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA
YANG DIPERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 11hb Oktober, 1982 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenaan menyampaikan Titah Ucapan di-Raja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan dalam Penyata Rasmi Parlimen.

**TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA
MULIA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Bismillahir-rahmanir-rahim

Segala puji kepada Allah Subhanahu wa ta'ala, selawat dan salam kepada junjungan

kita Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wa-sallam dan keluarga serta sahabat-sahabatnya.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu wa ta'ala yang telah melimpahkan rahmatNya bagi Beta melafazkan Titah Ucapan sempena Upacara Perasmian Penggal Pertama Parlimen Keenam pada hari ini.

Sekali lagi kita berhimpun di Dewan yang mulia ini untuk merenung bersama apa yang telah kita lalui setakat ini dan mengatur langkah bagi menghadapi masa hadapan yang lebih mencabar.

Beta berasa amat sukacita kerana Pilihanraya Umum telah berlangsung dengan lancar dan teratur. Ini bermakna kita berjaya mengukuhkan lagi institusi demokrasi di negara kita. Pilihanraya ini mempunyai erti yang tersendiri kerana inilah kali pertama generasi yang lahir selepas merdeka berpeluang menggunakan hak mengundi mereka. Dengan penyertaan mereka ini Beta yakin akan terpeliharalah warisan demokrasi yang kita sanjung tinggi.

Satu kesan besar dari pilihanraya lalu ialah bahawa rakyat Malaysia, baik dari generasi tua mahupun muda, sama-sama telah menyingkirkan rasa perkauman yang dahulunya sering dijadikan asas pemilihan. Jelaslah pemikiran rakyat kita sekarang telah bertambah matang dan rasional.

Beta ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan pilihanraya itu. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru dipilih, Beta ucapkan tahniah dan selamat menunaikan amanah rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita baru sahaja selesai merayakan ulang tahun kemerdekaan yang ke 25. Dalam tempoh suku abad ini, kita telah sampai kepada satu tahap pencapaian yang boleh dibanggakan. Kita telah berjaya meletakkan asas kukuh ke arah melahirkan satu warga, satu bahasa dan satu budaya. Atas asas inilah kita membina satu negara Malaysia yang lebih gemilang.

Tapak dan landasan yang kukuh ini wujud setelah kita berjuang, berkorban, berusaha dan mengatasi berbagai dugaan. Kita perlu insaf bahawa kekuatan kita selama ini adalah berdasarkan sikap kesederhanaan. Amalan tolenrasi dan bekerjasama adalah tunjang keteguhan dan ketahanan kita. Kita telah sampai ke peringkat kedewasaan yang membolehkan kita menilai sesuatu secara rasional dan realistik.

Dua puluh lima tahun hanyalah sedetik dalam sejarah sebuah negara. Namun demikian kita telah menyusun tapak demi tapak dengan penumpuan minat yang teratur—kemerdekaan, pembangunan, perpaduan dan kini Kerajaan Beta di bawah pimpinan Perdana Menteri Beta yang dikasihi, Dato Seri Dr Mahathir Mohamad sedang melangkah ke arah sebuah negara yang benar-benar dihormati dan disegani oleh masyarakat antarabangsa.

Di peringkat awal kemerdekaan, kita terpaksa menumpukan perhatian kepada pembangunan fizikal. Ini memanglah perlu dan wajar kerana pembangunan ini merupakan asas untuk kita mencapai pembangunan yang lebih sempurna.

Dengan kemajuan yang telah kita capai di peringkat asas tadi, kita sekarang akan menekankan dengan lebih hebat lagi usaha kita untuk mengimbangi pembangunan jasmaniah dengan pembangunan rohaniah. Kita menyedari bahawasanya pembangunan mengisi periuk nasi rakyat, tanpa mengisi fikiran dan jiwa mereka bukanlah satu pembangunan yang lengkap.

Kekuatan sesebuah negara itu tidak hanya bergantung kepada kekayaan material semata-mata. Negara yang mengukur kejayaannya dengan nilai kebendaan adalah

sebuah negara yang tidak berjiwa. Adalah menjadi hasrat kita membentuk sebuah negara yang gemilang, sebuah negara yang bermaruah, yang duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain di dunia. Usaha ke arah ini memerlukan penggembelangan tenaga antara ulamak dan umarak, dalam suasana musyawarah dan usrah.

Usaha-usaha meninggikan syiar Islam terus dipertingkatkan. Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, Insyaa-Allah, dengan sendirinya akan menjadikan negara kita sebuah pusat kemajuan dan perkembangan Islam di dunia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tindak tanduk negara-negara maju telah mangakibatkan berlakunya keadaan kemelesetan ekonomi dan keresahan politik antarabangsa sekarang ini. Keadaan bertambah buruk apabila kuasa-kuasa besar memesongkan perhatian dan tenaga mereka kepada perkara-perkara yang tidak membantu mengatasi masalah-masalah ini. Akibatnya, ekonomi dunia dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah terjejas. Negara kita tidak terkecuali daripada kesan buruknya.

Sebagai pengeluar bahan-bahan utama yang terbesar, pendapatan negara telah merosot kesan dari kejatuhan harga bahan-bahan berkenaan di pasaran dunia. Kedudukan ekonomi negara-negara perindustrian dalam jangka masa pendek akan datang ini terus muram. Kadar faedah yang tinggi terutamanya di Amerika Syarikat telah menjejaskan pelaburan perniagaan dan perbelanjaan pengguna. Kedudukan tahun 1983 masih tidak pasti. Pemulihan adalah diramalkan lebih sederhana berbanding dengan ramalan-ramalan terdahulu sementara pertumbuhan jumlah perdagangan dunia mungkin akan berkurangan.

Ekonomi Malaysia, yang telah mengalami kemelesetan sejak pertengahan tahun 1980, terus merasa kesan-kesan kemelesetannya. Pertumbuhan ekonomi telah berkurangan. Prospek ekonomi dalam tahun 1983 adalah tidak begitu menggalakkan kerana kedudukannya bergantung kepada pemulihan

negara-negara perindustrian. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, keadaan kemelesetan telah memberi kesan ke atas negara dan kehidupan rakyat. Eksport, harga barang-barang dan pendapatan tukaran luar kita telah jatuh. Akibatnya Kerajaan, sektor swasta dan rakyat merasai tekanan dari kemelesetan tersebut.

Beta insaf akan kesulitan hidup sehari-hari rakyat Beta yang miskin, khasnya rakyat di luar bandar, yang paling teruk menerima kesan kemelesetan ini.

Beta menyeru supaya rakyat bukan sahaja dapat memahami keadaan ini malah berusaha menyesuaikan diri untuk sama-sama mengatasi kesan kemelesetan ini. Hal ini haruslah dianggap sebagai satu cabaran kepada ketahanan kita. Beta suka mengingatkan bahawa ada pihak-pihak tertentu, baik di dalam mahupun di luar negeri, yang akan cuba mengeksploitasi keadaan kemelesetan ini untuk mencapai hasrat dan kepentingan mereka. Kita sangat mahir dengan taktik dan strategi mereka. Oleh yang demikian, semua golongan tidak seharusnya mewujudkan keadaan yang membenarkan mana-mana pihak sekalipun menanggung di air keruh.

Dalam keadaan yang mencabar ini, kita tidak boleh mengabaikan keperluan keselamatan negara. Usaha untuk mempermoden dan memperlengkapkan seluruh sistem pertahanan negara akan diteruskan. Beta berbangga dengan semangat wira yang ditunjukkan oleh Pasukan Keselamatan kita mempertahankan kedaulatan tanah air.

Krisis merupakan satu ujian. Di saat-saat inilah terujinya kerelaan kita berkorban untuk kepentingan bersama. Baik di mana kita berada, sama ada swasta mahupun Kerajaan, pemimpin mahupun rakyat, marilah sama-sama kita dukung semangat berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah.

Kita harus menumpukan seluruh kekuatan dan keupayaan kita untuk mengatasi keadaan ini. Di samping memperbaiki etika kerja, kita juga perlu meningkatkan daya pengeluaran

kita. Di samping berjimat cermat, kita perlu menggalakkan simpanan dan penabungan, kerana dengan inilah sahaja kita dapat menambah modal yang boleh digunakan untuk pelaburan yang produktif.

Kita haruslah berusaha mencari bahan-bahan, cara-cara dan kaedah-kaedah pengurusan baru, termasuk penggunaan tenaga, sumber dan masa secara optima.

Beta berasa sukacita Kerajaan Beta yang dipimpin oleh Dato Seri Dr Mahathir telah membawa cara dan pendekatan baru untuk menghasilkan satu sistem pentadbiran yang lebih cekap dan berkesan. Kerajaan Beta telah memilih cara pimpinan melalui teladan.

Beta gembira kerana selain daripada Kerajaan, beberapa pihak telah pun mengambil langkah-langkah tegas dalam menghadapi masalah ekonomi; misalnya semangat berjimat cermat yang ditunjukkan secara simbolik oleh para pemimpin telah diikuti oleh berbagai pertubuhan dan rakyat umumnya. Sesungguhnya, hanya warga yang sanggup berkorban akan menjadi warga yang berjaya dan dihormati.

Sifat berdikari rakyat jelas dibuktikan melalui reaksi rakyat dalam memberikan sumbangan secara sukarela pada bila-bila masa yang diperlukan; menaja beberapa rancangan yang memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya, sama ada sumbangan itu bagi keperluan mereka yang menderita atau aktiviti-aktiviti kebajikan, kebudayaan dan sukan. Ini diikuti pula dengan daya usaha badan-badan bukan kerajaan mengusahakan tabung-tabung derma untuk perjuangan rakyat Palestin yang sedang menanggung penindasan dan kekejaman Israel yang dikutuk oleh kita semua. Semua ini membuktikan kepada kita dan kepada dunia bahawa dalam keadaan kemelesetan sekalipun, kita sentiasa sedia tampil ke hadapan untuk membantu mereka yang memerlukannya.

Untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan meneruskan pertumbuhannya, Kerajaan Beta terpaksa memilih dengan teliti projek-projek pembangunan yang harus dimajukan. Sebilangan dari projek-projek ini mungkin

memerlukan perbelanjaan yang besar, tetapi ini perlu dan bijak kerana pelaksanaannya akan melahirkan kemungkinan menambah daya pengeluaran negara. Projek-projek demikian akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, di samping memberangsangkan kegiatan di industri-industri yang berkaitan. Sebaliknya pula ada projek-projek yang terpaksa diketepikan dahulu kerana kurang potensi sumbangannya terhadap pertumbuhan ekonomi.

Di samping itu, Kerajaan Beta akan terus menekankan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Projek-projek sosio-ekonomi yang akan membantu golongan yang berpendapatan rendah dan usaha meningkatkan penyertaan Bumiputera di bidang ekonomi akan terus diutamakan. Ketelitian Kerajaan Beta dalam hal-hal ini akan ternyata dalam Belanjawan Tahun 1983.

Kerajaan Beta sedar betapa pentingnya pendidikan dalam membentuk sebuah masyarakat moden yang gigih menghadapi segala cabaran. Untuk mencapai hasrat ini, sistem pendidikan kita mestilah berupaya melahirkan tenaga mahir dan cerdik-pandai yang berkemampuan mencari penyelesaian dan meneroka bidang-bidang kemajuan yang baru. Selain dari pendidikan, selaras dengan konsep pembangunan seimbang, kita haruslah mengukuhkan disiplin, memelihara akhlak yang tinggi serta meninggikan mutu kehidupan menerusi kegiatan-kegiatan kemasyarakatan, kebudayaan dan sukan. Semuanya ini perlu bagi membina kehidupan negara yang sempurna dan rakyat yang kreatif serta tinggi ketahanannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita hidup dalam masyarakat dunia. Akibat buruk yang kita alami sekarang adalah hasil pengaruh keadaan kacau-bilau dunia luar. Sebaliknya, keadaan kita akan bertambah baik jika keadaan dunia lebih cerah. Ini bermakna kita perlu memainkan peranan antarabangsa yang lebih positif. Di mana-mana wajar, kita akan terus menawarkan bantuan dan kepakaran kepada negara-negara yang memerlukannya.

Oleh kerana kestabilan dan kemajuan negara kita dipengaruhi oleh perkembangan

di negara-negara jiran, maka usaha untuk mengukuh hubungan dan kerjasama di antara kita dengan negara-negara Asean akan terus dipertingkatkan. Selaras dengan ini, beberapa rancangan pembangunan bersama, akan diberikan perhatian khusus.

Seterusnya hubungan kita dengan Negara-negara Islam, Negara-negara Berkecuali dan Negara-negara Komanwel adalah untuk memainkan peranan yang lebih besar lagi dalam arena antarabangsa—ke arah dunia yang aman tenteram, ke arah masyarakat antarabangsa yang maju dan saling bergantung. Di samping itu, Kerajaan Beta akan terus mempertingkatkan hubungan duahala dengan negara-negara tertentu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai penutup, Beta suka mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan tentang peranan dan tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat setelah diamanahkan oleh rakyat untuk berada di Dewan yang mulia ini. Kejayaan Ahli-ahli Yang Berhormat mendapat kepercayaan rakyat pada kali ini, bukanlah berasaskan janji-janji dalam bentuk kebendaan semata-mata—kepercayaan yang diperolehi adalah berasaskan kehendak rakyat terhadap sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Dalam tempoh masa Ahli-ahli Yang Berhormat memegang amanah ini dan berada di Dewan ini, rakyat akan membuat penelitian dan penilaian. Jagalah nama baik Dewan yang mulia ini. Gunakanlah peluang dan kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mencari penyelesaian kepada masalah rakyat. Jadikanlah Dewan yang mulia ini sebagai tempat menghasilkan pemikiran baru untuk kebahagiaan rakyat. Jadikanlah Dewan ini sebagai tempat merumuskan keputusan untuk kesejahteraan rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, akhir kata, Beta berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa ta'ala semoga dianugerahkan taufik dan hidayah kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang amanahkan.

The English translation is as follows:

**ADDRESS BY HIS MAJESTY
THE YANG DI-PERTUAN AGONG**

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful.

Praise be to Allah, Lord of the Universe and may His Blessings and Peace be upon our Prophet Muhammad, his family and his companions.

Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of Dewan Negara and Honourable Members of Dewan Rakyat.

I thank Almighty Allah for His blessings in enabling me to address this House in conjunction with the Official Opening of the First Session of the Sixth Parliament today.

We assemble once again in this august House to reflect on our experiences and to chart our course in the face of a more challenging future.

I am very happy with the smooth and orderly conduct of the last General Election. This only shows that we have succeeded in strengthening the institution of democracy in our land. The Election is of special significance because for the first time the generation born after Independence have had the opportunity to exercise their rights to vote. I am sure that with their participation the democratic heritage we cherish will be preserved.

One important aspect of the last Election is that Malaysians, of the old and the new generation alike, have discarded racial sentiments which had often biased electoral choice in the past. Clearly our people are now more mature and rational.

I would like to express my appreciation to all those who have made the Election a success. I would also like to congratulate the newly elected Honourable Members and to wish them success in shouldering the trust the people have bestowed upon them.

Honourable Members, we have just celebrated the 25th anniversary of our

Independence. During this quarter century we have reached a level of achievement which we can all be proud of. We have succeeded in laying a strong foundation for the evolvement of one citizenry, one language and one culture. It is on this foundation that we will build a greater Malaysia.

This solid foundation is a result of our struggle, sacrifice and effort in overcoming numerous challenges. We must realise that all along moderation has been our strength. Tolerance and cooperation are the pillars of our strength and resilience. We have reached the stage of maturity which enables us to be rational and realistic.

Twenty five years is but a moment in the history of a nation. Nevertheless we have advanced step by step in a systematic realisation of our goals—Independence, development, unity—and now, my Government under the leadership of my beloved Prime Minister, Dato Seri Dr Mahathir Mohamad, is striving towards creating a nation truly respected by the international community.

At the initial stage of Independence we had to focus our attention on physical development. This was necessary and appropriate since that physical development provided the base for the attainment of a more meaningful progress.

With the progress that we have achieved at the initial stage we are now resolved to ensure a balance between material and spiritual development. We realise the inadequacy of mere fulfilment of material wants of the people without due consideration of their intellectual and spiritual needs.

The strength of a nation does not depend solely on material wealth. A nation that views its success in terms of material achievements alone is a nation devoid of a soul. It is our aspiration to create a great nation, one with dignity, and one which is at par with other successful nations. A move in this direction calls for the consolidation of efforts between the learned and the well-informed and the Government in the spirit of discussion and consensus.

Efforts to enhance the eminence of Islam are being intensified. Allah willing, with the establishment of the International Islamic University, our country will emerge as a centre for the development and progress of Islam in the world.

Honourable Members, the actions of developed nations have resulted in the present world economic recession and political unrest. The situation is worsened by the super powers diverting their attention and energy to issues which do not help in solving these problems. As a result, the world economic order has been affected in recent years. Our country is no exception in experiencing the effects.

As the leading producer of primary commodities, our national income has declined with the fall in the prices of our commodities in the world market. It is expected that there would not be much change in the economic outlook of industrialised countries in the near future. The high rate of interest, especially in America, has upset business investment and consumer expenditure. The situation in 1983 is still uncertain. Recovery is expected to be more moderate compared to earlier forecasts while the growth in the aggregate international trade may decline.

The Malaysian economy will continue to face the recession which has affected it since mid 1980. Economic growth has slowed down. Economic prospects in 1983 are not bright since these depend on the recovery of the industrialised countries. Since Malaysia is an open economy, the recession has adversely affected the livelihood of our people. Our exports, commodity prices and foreign exchange have declined. The Government, the private sector and the people are feeling the strain.

I am concerned about the daily difficulties faced by my people who are poor, especially those in the rural areas who suffer the worst from the effects of recession.

I would like to appeal to the people not only to understand this difficult situation that we are going through but also to strive to make appropriate adjustments in our common effort

to combat this adversity. This is a challenge to our resilience. We must be aware of certain quarters from within the country and from without who will exploit this recessionary situation to achieve their own selfish ends. We are only too familiar with their tactics and strategy. No one, therefore, should create a situation which would enable these elements to fish in troubled waters.

In such a challenging situation we cannot afford to neglect the security needs of the nation. Our efforts to modernise and to equip the whole national defence system will continue. I am proud of the heroism demonstrated by our Security Forces in defending the sovereignty of the nation.

A crisis is but a test. It is at a time like this that our readiness to sacrifice for the common interest is being tested. Wherever and whatever we are, in the private sector or in the Government, leaders or the people, let us uphold the spirit of solidarity and cooperation.

We should devote our strength and capability to overcoming this situation. We must strive to improve our work ethics and increase our productivity. Besides being thrifty, we should also encourage savings to increase capital for productive investment.

We must strive to seek and discover new materials, new management techniques and practices, and ways to optimise the use of energy, resources and time.

I am pleased that my Government under the leadership of Dato Seri Dr Mahathir has introduced innovative methods and approaches towards the realisation of a more efficient and effective administration. My Government has opted for a style of leadership by example.

I am happy that some sectors besides the Government have taken firm measures in addressing the economic problems. The demonstration of thrift by the leaders, for example, has been emulated by various organisations and the people generally. Indeed, only those who are prepared to make sacrifices are the ones who deserve success and respect.

The people's self-reliance is proven by their response in giving voluntary contributions whenever necessary, and in sponsoring a number of programmes irrespective of whether they benefit the people as a whole or certain unfortunate groups, and also in sponsoring various welfare, cultural and sporting activities. This is further exemplified by the efforts of non-governmental bodies in raising funds for the cause of the Palestinians who are being oppressed and persecuted by the Israelis whom we all condemn. These are ample proof to us and to the world that even during a recession we are ready to come forward to help those in need.

To sustain our economic stability and ensure its continued growth, my Government has carefully identified the development projects which are to be implemented. Some of these projects may require heavy expenditure but they are appropriate and necessary to increase national productivity. These projects will create more employment opportunities and stimulate activities in related industries. On the other hand, projects which are of lower priority in terms of their potential in contributing to economic growth have to be temporarily set aside.

In addition, my Government will continue to stress on the implementation of the New Economic Policy. Sosio-economic projects which will help the low income groups and efforts to increase bumiputera participation in the economic field will continue to be given priority. The Government's meticulousness in this regard will be reflected in the 1983 Budget.

My Government is aware of the importance of education in creating a modern and vibrant society capable of meeting challenges. To wards this end our education system must be capable of producing skilled manpower and intellectuals who can find solutions to problems and pioneer new endeavours. Besides education, we must inculcate greater discipline, cultivate higher moral values, and upgrade our quality of life through social, cultural and sporting activities in line with our concept of balance development. All these

efforts are necessary to promote a better national well-being and a more creative and resilient people.

Honourable Members, we live in a world community. The depressed state we are in is the result of a world in turmoil. Our condition will improve if the world situation changes for the better. This means that we should play a more positive role internationally. Where appropriate we will continue to offer assistance and expertise to countries which need them.

Since development in neighbouring countries influence our stability and progress, we will intensify our efforts to improve our relationship and cooperation with ASEAN countries. In this regard, we will give special attention to joint development programmes.

Similarly, our relationships with the Muslim nations, the non-aligned nations and the Commonwealth are aimed at a more prominent role in the international arena, in the pursuit of a peaceful world and a progressive and interdependent international community. In addition, my Government will continue to promote bilateral relations with certain countries.

Honourable Members, in conclusion, I take this opportunity to remind Honourable Members of your roles and the responsibilities entrusted upon you by the people as their representatives in this august House. Your success in gaining the people's trust this time is not based on promises in material form. It is a trust based on the people's choice of a clean, efficient and trustworthy Government.

The people will scrutinise and evaluate the way you fulfil this trust during your tenure as members of this House. Safeguard the good name of this august House. Use the opportunity in this House to find solutions to the people's problems. Make this House a place where new thinking originates for the fulfilment of our people's aspirations. Let this House be the place where decisions are formulated for the well-being of our people.

Honourable Members, finally, may Almighty Allah give His Blessings and guide you in discharging the duties and responsibilities entrusted upon you as Members of the Dewan Negara and Dewan Rakyat.

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli yang baru dilantik itu dapat memberikan sumbangannya yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara memersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“8hb Disember, 1982.

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang berikut dan meminta Dewan Negara memersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1983;
2. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2);
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) (No. 2);
4. Rang Undang-undang Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan (Pindaan));
5. Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan);

6. Rang Undang-undang Bank Islam;
7. Rang Undang-undang Jemaah Pemeriksa Elektrik;
8. Rang Undang-undang Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak;
9. Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah; dan
10. Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan.

Yang ikhlas,

Tandatangan:

TUAN YANG DI-PERTUA
DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya dalam Mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1983;
2. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2);
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982 (No. 2);
4. Rang Undang-undang Gerenti Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan (Pindaan));
5. Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Bank Islam;
7. Rang Undang-undang Jemaah Pemeriksa Elektrik;
8. Rang Undang-undang Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak;
9. Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah; dan
10. Rang Undang-undang Pelaburan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA
KELUARGA ALLAHYARHAM Y. B.
DATUK HAJI ISMAIL BIN HASSAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan sedih saya memaklumkan iaitu kita telah kehilangan seorang Ahli berikutan dengan kematian Allahyarham Y. B. Datuk Haji Ismail bin Hassan pada 4hb Oktober, 1982 yang lalu. Sekarang saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun bersama-sama saya bertafakkur selama seminit sebagai menghormati Allahyarham Y. B. Datuk Haji Ismail bin Hassan itu dan bagi orang-orang yang beragama Islam diminta menghadihkan Fatihah seberapa yang ikhlas ke atas roh Allahyarham itu.

(Majlis bertafakkur selama satu minit dan Ahli-ahli yang beragama Islam menghadihkan Fatihah)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PENENTUAN AWAL
RAMADHAN/SYAWAL**

1. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula masalah menentukan awal puasa dan hari raya supaya kekecohan tidak akan berlaku lagi di masa akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, perkara ini terletak di bawah bidangkuasa Majlis Raja-raja dan Majlis itu di dalam mesyuaratnya yang ke 125 diadakan pada 14hb Oktober, 1982 telahpun bersetuju supaya perkara menetapkan Awal Ramadhan dan Awal Syawal hendaklah berdasarkan kepada peraturan seperti berikut:

“Anak bulan Ramadhan dan Syawal, kiranya tidak kelihatan kerana terlindung oleh keadaan cuaca, pada halnya mengikut

kiraan Ahli-ahli Falak, anak bulan itu tetap ada dan boleh nampak, maka kiraan Ahli-ahli Falak boleh digunakan.”

Dengan keputusan yang tersebut itu maka bermaknalah yang menetapkan Awal Ramadhan dan Awal Syawal akan ditentukan dengan cara Rukyah dan Hisab dan keputusan ini adalah selaras dengan pendapat yang pernah dikemukakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita mengucapkan beribu syukur kerana dengan keputusan Mesyuarat Raja-raja pada 14hb Oktober, 1982 sebagai kata Yang Berhormat Menteri telah membuat keputusan yang saya rasa sangat baik supaya dapat kita menentukan tarikh dengan tidak bertelengkah dalam negara kita ini.

Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah kita dengan sealiran, sehawa dan seiklim katalah dengan Singapura, Indonesia atau lain-lain negara Islam di rantau kita ini ataupun rasa saya tak begitu jauh iklim kita dengan negeri Mekah sendiri, adakah kita ini boleh dapatkan satu persetujuan bersama dalam keputusan yang kita sebut itu?

Pada pandangan saya, kalau kita dapat keputusan macam itu sebenarnya kita meletakkan agama kita yang amat mutlak sebagai agama rasmi yang tidak boleh disentuh oleh sesiapa pada masa akan datang.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan boleh jadi sama sebab kita pakai 2 kaedah. Pernah Indonesia memakai 2 kaedah ini dan juga Singapura dan juga kita harap ASEAN akan dapat menentukan tarikhnya yang sama.

Datuk Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya tidak salah penentuan Hari Raya Haji ialah diambil daripada keputusan Kerajaan Saudi Arabia di mana Hari Ukuf ditentukan oleh Kerajaan Saudi Arabia dan kita mengikut keputusan Kerajaan Saudi Arabia menentukan Hari Raya iaitu sehari sesudah

Ukuf di Arafah. Apakah kita mengambil keputusan Hari Raya Haji mengikut keputusan Ukuf di Arafah itu sesuai dengan keputusan yang diambil oleh Majlis Raja-raja atau Agama Islam?

Kalau ini sebagai satu asas, kenapakah kita tidak mengambil keputusan ini dari satu punca sahaja seluruh dunia ini supaya Hari Raya itu hanya satu hari di seluruh dunia dirayakan oleh umat Islam?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan kita dalam merayakan Hari Raya Haji secukup dengan keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Raja-raja, tarikhnya boleh jadi sama. Tetapi dalam masalah hendak menentukan satu tarikh bagi seluruh dunia, ini mungkin tidak boleh jadi macam umpamanya di Turkey, Egypt sebagai negeri yang jauh kerana dalam Islam pernah berlaku satu masa berlainan tarikh di antara Iraq dengan Madinah, satu hari perbezaannya. Maka perkara ini diketahui oleh Rasulullah s.a.w. dan Baginda tidak perintahkan orang-orangnya kadha puasanya itu.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, Islam ini adalah agama universal di mana kita dapat kenyataan dalam Al-Quran: Wamaa arsalna kailaarahmatan lilaalamin. Jadi umpamanya kalau negeri Afrika yang begitu jauh dengan kita beribu batu, kalau hendak ditetapkan satu tarikh sahaja dengan Malaysia ini mungkin akan timbul beberapa implikasi dan impracticable di dalam soal ini sebab keterangan sudah ada dalam Islam kita perbezaan tarikh satu hari itu tidak menjadi hal dalam masaalah puasa ini.

Datuk Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau seluruh dunia tidak boleh, adakah Kerajaan sudah cuba membuat di dalam bahagian ASEAN supaya lebih dekat negara-negara yang berjiran ini menentukan satu masa kalau mutlaknya satu. Kalau dunia tidak boleh, kenapa di sekeliling ini tidak boleh? Kalau dahulu memang susah tetapi sekarang barangkali ada kemudahan-kemudahan, tidakkah Kerajaan sekarang ini cuba ataupun Menteri ini cuba mengadakan hubungan dan

menyelesaikan masalah ini supaya lebih mendatangkan kebaikan kepada umat Islam?

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dinyatakan tadi dengan diterima oleh Majlis Raja-raja 2 methods, 2 cara—Hisab dan Rukyah ini, ini memberi peluang kepada Majlis Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri untuk membuat perundingan dengan negeri-negeri jiran dalam ASEAN ini. Telah saya menyatakan tadi kemungkinan tarikh itu dapat disamakan, sekurang-kurangnya dalam ASEAN.

SYARIKAT ASING— PERBELANJAAN MENGAMBIL ALIH

2. **Dato' Yap Peng** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah wang yang telah dibelanjakan untuk mengambil alih syarikat asing dalam negeri ini dalam tahun 1981 dan 1982.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang telah dibelanjakan bagi maksud mengambil alih syarikat asing dalam negeri di tahun 1981 dan 1982 ialah \$1,932,765,881.00.

Tuan Abdullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyak syarikat-syarikat asing yang telah diambil alih oleh Kerajaan dan berapa banyak lagi yang belum diambil alih oleh Kerajaan, dan adakah Kerajaan bercadang hendak mengambil alih ke semua syarikat-syarikat asing yang ada di dalam negara ini.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1981 dan 1982 hanya dua syarikat asing dalam negeri telah diambil alih dan angka-angka untuk lain-lain syarikat asing di negara ini, saya dengan dukacitanya pada hari ini saya tidak ada angka-angka itu.

Soalan yang ketiga adalah sama ada Kerajaan akan mengambil alih semua syarikat asing yang ada di dalam negeri ini, jawapan kepada soalan itu, Tuan Yang di-Pertua, bergantung kepada sama ada syarikat itu ada untung atau rugi.

Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kriteria yang ada kepada syarikat-syarikat asing yang memerlukan Kerajaan kita mengambil alih.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, antara salah satu sebabnya ialah kepunyaan harta-benda syarikat asing itu di dalam negeri ini, khasnya seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum satu daripada kriterianya ialah berapa besarkah bahagiannya, hasilnya atau sumber-sumbernya yang ada di dalam negara kita. Yang kedua, ialah apabila kami memikirkan pengambilan alih ketika itu kami juga mengkaji dari segi prestasi syarikat itu.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dua daripada syarikat asing telah diambil alih oleh Kerajaan. Pada pendapat saya, dua syarikat ini adalah syarikat-syarikat perkebunan atau syarikat getah.

Saya melihat di dalam Rancangan Malaysia Keempat bahawa dasar-dasar negara pada masa ini adalah pelaburan ini ditumpukan kepada industri-industri ataupun syarikat-syarikat yang kurang dipunyai oleh bumiputera. Dalam Laporan Ekonomi Tahun 1982/1983 yang baru-baru ini, saya lihat pertumbuhan yang besar sekali adalah di dalam sektor perkilangan (manufacturing) dan sektor pembinaan (construction). Jadi daripada pengambilan alih syarikat-syarikat perkebunan (agriculture) apakah tindakan-tindakan Kerajaan yang telah diambil ataupun akan diambil untuk menyelaraskan dasar-dasar di dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, dukacita itu soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Choo Ching Hwa!

Dato' Yap Peng: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3

AHLI-AHLI KOPERASI— KERAJAAN NEGERI MENGUNTUKKAN TANAH

3. Dato' Yap Peng (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan langkah-langkah yang telah atau akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan supaya menggalakkan atau menggesa Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada koperasi terhadap peruntukan tanah negeri untuk skim perumahan-perumahan kerana ramai ahli-ahli koperasi yang terdiri daripada orang miskin.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, urusan pemberian tanah oleh negeri-negeri adalah hak tanggungjawab Kerajaan Negeri sendiri. Dengan itu terpulanglah kepada Kerajaan Negeri bagi menentukan pembahagian-pembahagian tanah mengikut keutamaan kepada individu dan badan-badan yang boleh menerima untuk dimajukan. Pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak akan melibatkan diri dalam usaha mendapatkan tanah dari Kerajaan Negeri. Terserahlah kepada koperasi-koperasi untuk mencari jalan mendapatkan tanah masing-masing.

Pada pendapat Kementerian, koperasi-koperasi bolehlah berusaha membeli tanah-tanah kepunyaan orang-orang perseorangan untuk menjalankan projek-projek perumahan bagi faedah ahli-ahlinya di samping berusaha mendapatkan tanah-tanah dari Kerajaan-kerajaan Negeri.

Menyentuh mengenai penglibatan koperasi dalam bidang pembangunan perumahan, ingin saya menyatakan di sini mengenai adanya koperasi-koperasi yang sengaja ditubuhkan untuk mendapatkan tanah murah dari Kerajaan-kerajaan Negeri. Ada juga pihak-pihak yang menubuhkan koperasi untuk memungut wang secara eceran dari Ahli-ahli dan sambil itu menubuhkan pula syarikat-syarikat sendiri berhad bersama rakan masing-masing. Setelah beberapa keping tanah dibeli oleh syarikat sendiri berhad maka syarikat begini dijual kepada

koperasi dengan harga yang mahal dan memberi keuntungan besar kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat Sendirian Berhad yang juga menjadi Ahli Lembaga Pengarah Koperasi. Biasanya rumah-rumah yang dibina itu sendiri tidak dijual kepada ahli-ahli koperasi dan banyaklah aduan-aduan yang diterima oleh pihak Kementerian dari ahli-ahli yang tidak berpuas hati. Dalam keadaan begini pihak Kementerian menasihatkan supaya mereka yang terlibat membangunkan projek perumahan atas nama syarikat sendirian berhad dan membayar cukai-cukai yang diwajibkan. Mereka tidak seharusnya memperalatkan orang-orang miskin di dalam koperasi untuk mendapatkan keuntungan bagi diri mereka. Amalan begini lambat-laun akan merosakkan pergerakan koperasi di negara ini.

Saya menasihatkan Kerajaan Negeri supaya berhati-hati mengkaji latar belakang sesebuah koperasi sebelum tanah-tanah diberi. Hanya orang betul-betul layak sahaja patut diberi.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon membuat soalan tambahan begini tanah itu adalah hak Kerajaan Negeri. Tetapi pada suatu ketika dulu Dewan ini sendiri hendak mengesahkan Endau-Rompin National Park dibawa ke Parlimen ini bagi dipersetujui sebelum Kerajaan Negeri mempersetujui. Adakah itu di luar daripada apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat bahawa hak tanah itu kuasa negeri?

Dato' Sanusi bin Junid: Itu bukan urusan koperasi.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang Dipertua, saya bacakan soal asalnya "meminta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan langkah-langkah yang telah atau akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan supaya menggalakkan atau menggesa Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada koperasi". Tetapi yang saya mohon bertanya soalan tambahan bukan soal koperasi, saya hendak tanya soal tuan punya hak tanah yang

ada berkaitan dengan soalan ini. Pada suatu ketika dahulu Dewan ini meluluskan bahawa Endau-Rompin National Park akan mengambil lebih kurang 85,000 ekar. Pada hemat saya yang dhaif, Tuan Yang di-Pertua, kelulusan daripada Kerajaan Negeri belum diambil, tetapi Parlimen sudah meluluskan. Adakah soalan ini berlawanan dengan apa Yang Berhormat Menteri maklumkan. Terima kasih.

Dato' Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan perhatian saya kepada koperasi. Dan untuk koperasi saya berhasrat berbuat demikian.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, rupa-rupanya dalam negeri kita ini banyak kejadian yang saya pandang sangat dahsyat berlaku dalam koperasi-koperasi yang berbuat begitu. Saya berpendapat negara kita tidak boleh membiarkan koperasi yang telah melakukan kecundang yang amat bahaya bagi faedah diri tetapi menzalimi beberapa ramai ahli-ahli yang miskin seperti kata Yang Berhormat Menteri. Saya suka bertanya, apakah sikap tegas oleh Yang Berhormat Menteri apabila kita sudah dapat hitam putih beberapa buah koperasi yang macam ini berlaku dalam negeri kita. Orang-orang ini kita tidak boleh biarkan, bahkan kita hukum mengikut undang-undang dalam negeri kita ini, sebab yang bersalah tetap bersalah, inilah yang kita mesti jalankan. Kita tidak boleh biarkan ada orang yang melakukan kecundang yang bahaya macam ini menjalar lagi dari masa kesemasa. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu apakah tindakan yang diambil. Berapa orang sudah dapat ditangkap dan apa hukumannya? Kita tidak boleh dibiarkan orang semacam ini.

Dato' Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, banyak tindakan-tindakan yang telah dibuat oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh koperasi-koperasi. Selain daripada membuat kenyataan-kenyataan yang menjelaskan dasar-dasar tertentu, Kementerian memberi

perhatian kepada penglibatan ahli-ahli untuk memestikan koperasi berjalan dengan betul. Dan dalam hal ini Kementerian telah mendesak koperasi terutamanya mengadakan mesyuarat agong. Syukur Alhamdulillah kalau dibandingkan dengan 30hb Jun, 1981 bila mana hanya 16% sahaja koperasi di negara ini yang telah mengadakan Mesyuarat Agong setelah satu tahun Kementerian berusaha maka pada 30hb Jun, 1982, 99.45% sudahpun mengadakan Mesyuarat Agung mereka.

Urusan yang kedua yang sedang diatur oleh Kementerian ialah mengenai kira-kira koperasi. Kalau dahulunya sekitar 6% sahaja kira-kira koperasi yang telah dihantar untuk diodit, sekarang ini 80% lebih daripada kira-kira koperasi sudah pun siap untuk diodit.

Mengenai masalah juru odit yang tidak cukup, Kementerian juga telah mengasaskan penubuhan instituit juru odit koperasi yang akan mengeluarkan juru-juru odit dalam masa 2 tahun yang akan datang dan dapat menyelesaikan masalah pengoditan dalam masa yang singkat. Selain daripada itu, jabatan juga telah mengambil tindakan-tindakan disiplin terhadap koperasi-koperasi. Ada yang sekarang ini berada dalam tahanan dan ada yang masih diselidik dan ada yang akan ditahan tidak lama lagi.

LEMBAGA PENGARAH MCIS

4. **Tuan M. K. Muthusamy** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan mengapa Lembaga Pengarah Koperasi MCIS dibubarkan dan bilakah hak asasi ahli-ahli untuk memilih pengurusan Koperasi mereka akan dikembalikan kepada mereka.

Dato' Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pengarah MCIS telah dibubarkan oleh Ketua Pendaftar Koperasi kerana beliau tidak puas hati dengan keadaan pengurusan MCIS sebagaimana yang dilaporkan oleh pegawai-pegawai Jabatan Pembangunan Koperasi yang menyelia Koperasi itu. Penyiasatan ke atas MCIS telah lama dibuat berasaskan aduan dan laporan dari ahli-ahlinya. Lembaga Pengarah MCIS

juga telah gagal mengadakan Mesyuarat Agung bertahun-tahun dan banyak kerja-kerja yang tidak bermaruah telah mendapat pengesan Lembaga Pengarah. Mesyuarat Agung terakhir yang diadakan telah menyebabkan berlaku pergaduan. Laporan Jawatankuasa Penyiasat Jabatan Pembangunan Koperasi telah menzahirkan fakta-fakta yang menunjukkan Lembaga Pengarah telah tidak mendapat menjalankan kewajipan yang dipertanggungjawabkan kepada mereka sebagai governing body kepada MCIS dan Ketua Pendaftar berpendapat keadaan ini tidak mungkin dapat diperbaiki di bawah Lembaga Pengarah yang ada. Demi kepentingan MCIS, Ketua Pendaftar Koperasi telah membubarkan Lembaga Pengarah dan menggantikannya dengan sebuah Jawatankuasa Pengurusan. Mesyuarat Agung akan dipanggil oleh Jawatankuasa Pengurusan bagi membolehkan ahli-ahli memilih pengurusan koperasi mereka apabila perjalanan dan keadaan kewangan MCIS telah dapat dipulihkan dan didapati wajar diserahkan kembali kepada Mesyuarat Agung. Setakat ini, Jawatankuasa Pengurusan belum mendapati sesuai untuk memanggil Mesyuarat Agung itu.

Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Lembaga Pengarah yang sementara (caretaker governing body) ini bertanggungjawab di atas kerugian ataupun kecurangan yang mungkin berlaku dalam MCIS di dalam tempoh pengawalannya?

Dato' Sanusi bin Junid: Jawatankuasa ini hanya akan memestikan tidak ada penyelewengan. Oleh kerana MCIS adalah sebuah badan perniagaan, kita tidak dapat menjamin untung rugi masa depan mereka.

LANGKAWI— BOT UNTUK PESAKIT

5. **Tuan Haji Fadzil bin Ahmad** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di Langkawi ada disediakan sebuah bot untuk Jabatan Kesihatan bagi membawa pesakit-pesakit di Langkawi ke daratan untuk rawatan masa

kecemasan tetapi pekerja-pekerja bot berkenaan seperti kaptain dan foreman adalah dipinjamkan dari pihak Jabatan Marin Laut. Jika sedar, sama ada beliau bercadang untuk melatih atau mengambil pekerja-pekerja dari Kementeriannya sendiri.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sedar bahawa di Langkawi ada disediakan sebuah bot bagi membawa pesakit-pesakit di Langkawi untuk rawatan semasa kecemasan dan pekerja-pekerjanya seperti Serang dan Pekerja Injin adalah pinjaman dari Jabatan Marin Laut. Kementerian Kesihatan sendiri tidak bercadang untuk melatih atau mengambil pekerja-pekerja seperti ini, kerana Kementerian tidak mempunyai kemudahan untuk melatih mereka. Cara mendapatkan pekerja-pekerja ini secara pinjaman daripada Jabatan Marin Laut akan diteruskan.

Tuan Abdullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan hanya sebuah sahaja bot yang disediakan oleh Kerajaan untuk membawa pesakit-pesakit dari Langkawi ke daratan bagi mendapat rawatan kecemasan. Adakah Kementerian Kesihatan bercadang hendak menambah lagi bot bagi tujuan tersebut sekurang-kurangnya sebuah sekiranya berlaku kerosakan kepada bot yang sebuah lagi itu.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, memang betul bahawa sebuah bot sahaja yang diperuntukkan di Langkawi, perkhidmatan itu pun adalah baharu sahaja dijalankan. Pada masa ini Kementerian tidak berpendapat bahawa kita harus menambahkan bekalan bot di situ. Saya rasa di Pulau Langkawi jika bot itu rosak ada lain-lain sebab, kita bolehlah membuat aturan yang lain yang memuaskan, tetapi kita memang mengambil perhatian tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Sebagaimana kita semua sedia maklum bot yang ada itu walaupun pantas perjalanannya tetapi memakan masa satu jam baharu sampai ke Kuala Perlis, ada kadangkala pesakit-

pesakit yang begitu tenat untuk mendapat rawatan segera dibawa ke tanah daratan. Saya tidak menafikan pada masa yang lalu kita dapat bantuan daripada tentera iaitu dengan helikopter, tetapi untuk mendapat kelulusan ini memakan masa sampai satu dua jam untuk dapat kelulusan membawa pesakit itu dengan helikopter. Oleh sebab penyakit yang tenat hendak membuat rawatan yang begitu cepat, tidakkah ada satu jalan lain sekiranya penyakit ini betul-betul tenat yang memerlukan seberapa cepat supaya tidak memakan masa untuk mendapat kebenaran helikopter sampai dua tiga jam.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, jika seorang pesakit penyakitnya teruk, saya rasa untuk mendapat rawatan kecemasan kemudahan terdapat di Pulau Langkawi, ada ditempatkan di situ dua orang doktor di Pusat Kesihatan di situ. Dan memang keadaan kemudahan seperti itu dapat mengatasi keadaan yang lebih cemas jika diperlukan Kementerian bolehlah mengusahakan untuk dapat kemudahan TUDM untuk membawa helikopter dan lain-lain. Peraturan ini memang dibuat di seluruh negara, bukan sahaja di Pulau Langkawi.

TABUNG BANTUAN MENOLONG PENANAM PADI

6. Tuan Haji Latip bin Haji Dris minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang untuk menubuhkan sebuah "Tabung Bantuan" bagi menolong penanam padi khususnya di rumah-rumah panjang dan pendalaman negeri Sarawak di masa hasil tanaman mereka merosot.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini Kementerian Pertanian belumlah lagi ada mempunyai apa-apa cadangan untuk menubuhkan Tabung Bantuan sama ada di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak bagi membantu penanam-penanam padi terutama di waktu hasil tanaman mereka merosot. Apa yang Kementerian ini tumpukan sekarang ialah pemberian bantuan input-input pertanian bagi mengurangkan kos pengeluaran mereka.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini mudah, adakah Kerajaan bercadang menubuhkan Tabung Bantuan sebab petani-petani ini bukan soal kos bantuan baja dan sebagainya, ada satu ketika padi dimakan tikus tidak boleh dituai, jadi beribu-ribu orang yang tidak ada faedah daripada padi ini sedangkan mereka bergantung nasib kepada pencarian harian. Itu maksudnya. Adakah Kerajaan bercadang mengadakan Tabung Bantuan itu sepertimana yang saya baru terangkan tadi?

Tuan Luhut Wan: Sebagaimana yang telah saya terangkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini pihak Kerajaan belum lagi membuat apa-apa cadangan untuk menubuhkan tabung yang disyorkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana pertamanya, kalau kita lihat di Sarawak, kerosakan ataupun kemerosotan hasil padi yang dialami oleh para petani ini tiap-tiap tahun bukan oleh kerana bencana alam bahkan yang kita ketahui oleh kerana mereka ini kebanyakannya membuat padi huma. Kadang-kadang masa setahun itu ada kemarau, mereka dapat membakar dapat membakarkan ladang mereka, itu pun menjadi masalah dan menjadi keuntungan juga kepada mereka. Walaupun demikian, daripada pihak Kementerian Pertanian ketika ini hanya memberi bantuan kepada petani-petani yang mengalami kerugian iaitu menghadapi kemarau panjang sebagaimana yang kita telah alami tempoh hari.

HOO ET CHIANG PENJARA SEUMUR HIDUP

7. **Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) tindakan terakhir yang diambil ke atas Hoo Et Chiang yang telah dihukum penjara seumur hidup oleh Mahkamah Tinggi Ipoh pada 24hb Februari, 1982 kerana kesalahan mengedar 1,501.20 gram candu dan 1,546 gram candu mentah yang mana Mahkamah kemudiannya membe-

baskannya dengan bon sebanyak \$500.00 dengan seorang penjamin dalam tempoh dua bulan untuk memberi kemudahan kepadanya membuat surat permohonan balik ke negeri Cina; dan

- (b) adakah telah menjadi dasar Kerajaan untuk membenarkan rakyat-rakyat negeri asing yang melakukan kesalahan berhubung dengan dadah di negara ini kembali ke negara asalnya dengan tidak payah menjalani hukuman di atas kesalahannya itu di negara ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, bagi bahagian (a) adalah benar Hoo Et Chiang yang berumur 70 tahun dan sentiasa dalam keuzuran telah dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup oleh Mahkamah Sesyen Taiping pada 25hb Mei, 1981. Ia telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi Ipoh dan pada 24hb Februari, 1982, Mahkamah Tinggi telah menukar hukuman ke atasnya kepada hukuman mengikat bon sebanyak lima ratus ringgit selama dua tahun atas sebab-sebab peri kemanusiaan.

Bagi menjawab soalan bahagian (b). Tidaklah menjadi dasar Kerajaan untuk membenarkan sesiapa pun yang melakukan apa-apa kesalahan di negara ini kembali ke negara asalnya dengan tidak menjalani hukuman di atas kesalahan itu di negara ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bersabit dengan soal dadah dalam negeri ini, saya rasa satu perkara yang serius dan harus kita tidak membiarkan sesiapa juga yang melakukannya. Berapa umurnya sama ada kanak-kanak, orang muda hatta orang tua 70 tahun atau 80 tahun adalah satu kesalahan yang membahayakan, satu kesalahan yang harus kita tidak ada maaf demi keselamatan rakyat dan negara kita. Saya terkejut juga yang perkara tadi telah dijatuhkan hukuman seumur hidup sebab satu kesalahan yang sangat kita pandang berat dalam negeri ini, yang membahayakan dapat dipulihkan balik dan diberi pula satu kemudahan boleh pergi

ke negeri China pula balik. Meskipun Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan demi peri kemanusiaan, saya bercadang di Parlimen ini supaya pada masa yang akan datang tidak ada maaf, negeri mana, rakyat mana apabila telah dihukum, terus dihukum hatta orang Melayu pun dalam negeri ini, kalau dia membuat jenayah dadah ini sudah dihukum, terus soal yang merbahaya ini jangan dimaafkan pada masa yang akan datang. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi pengakuan perkara ini tidak berlaku lagi di masa yang akan datang.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak invoke Perkara 127 Perlembagaan kita yang mana kita tidak boleh sekali-kali membicarakan hal-hal keputusan yang telah dibuat oleh seorang hakim di mana-mana mahkamah.

Yang keduanya, sukalah saya menyatakan bahawasanya Kerajaan pada hari ini mengambil berat dalam soal dadah. Kerajaan sama sekali tidak bermain-main dalam masalah ini dan jikalau kita tengok rekod-rekod kita pada hari ini sejak tahun 1975 34 orang telah dihukum mati. Jadi, di antara 34 orang itu 21 orang daripadanya orang tempatan dan 5 daripadanya orang asing. Begitu juga, berhubung dengan penjara seumur hidup 192 orang telah kita penjara seumur hidup yang mana 168 terdiri daripada orang tempatan dan 24 orang terdiri daripada orang asing. Ini menunjukkan bahawasanya dari segi penguatkuasaan undang-undang, Kerajaan tidak sekali-kali alpa malah Kerajaan sentiasa meningkatkan usahanya. Itulah sebabnya pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak langkah-langkah yang kita ambil bagi mengatasi masalah yang diperkatakan masalah dadah. Baru-baru ini kita telah menghadiri satu mesyuarat yang dinamakan Mesyuarat Pakar-pakar Dadah ASEAN Yang Ke 7 di Pattaya yang mana di sana kita telah mencapai ataupun membuat persetujuan dan perakuan di atas beberapa perkara di bidang penguatkuasaan dan undang-undang, pengawasan dan tindakan yang lebih ketat hendaklah dilaksanakan oleh negara-negara ASEAN yang terlibat dan sekiranya perlu undang-undang yang ada hendaklah dipinda dengan mengenakan

hukuman yang lebih berat dan kita masuk juga di situ istilah dadah. Yang dimaksudkan di sini termasuklah MX pil dan lain-lain pil yang serupa dan di antara itu dalam masalah pendidikan dan pencegahan juga, pakar-pakar ASEAN telah membuat perakuan supaya semua negara-negara yang terlibat melancarkan kempen secara besar-besaran di kalangan golongan-golongan yang berpengaruh dan golongan yang tertentu tentang merbahayanya dadah ini.

Juga dalam segi rawatan dan pemulihan pakar-pakar ASEAN telah membuat perakuan supaya usaha-usaha yang ada, dipergiatkan lagi dan mereka sangat tertarik dengan konsep 'Pusat Serenti' yang hendak dilaksanakan oleh Malaysia pada hari ini. Jadi 'Pusat Serenti' ini sebagaimana Yang Berhormat barangkali sudah mengetahui merupakan satu pusat yang barangkali kita dapat mengendorkan sedikit sebanyak soal penagihan ini kerana kita bertujuan untuk mengadakan satu rawatan dan pemulihan yang berkesan dan kita menganggarkan apabila pusat ini ditubuhkan sekurangnya 1,000 orang akan dapat kita tempatkan di tiap-tiap pusat tadi. Dengan cara-cara yang demikian rupa sebagaimana saya katakan sekejap tadi tidaklah sekali-kali mengabaikan masalah-masalah dadah ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai kempen publisiti dadah tadi, saya berpendapat dan ingin menyoal Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada disedari atau tidak iaitu secara langsung berita-berita yang melaporkan tangkapan-tangkapan dadah ini implikasinya bukanlah tidak di susun dan dikawal, satu bentuk cara mungkin memberikan implikasinya, satu galakan kepada pengedar-pengedar dadah.

Umpamanya kadang-kadang satu tangkapan dibuat dikatakan dan dibuat berita dalam akhbar sekian ribu gram dan sekian juta nilai dadah telah dirampas. Ini menunjukkan satu gambaran, membayangkan satu yang ghairah kepada pihak pengedar tentang berapakah jumlah keuntungannya dan sekiranya dia tidak ditangkap dan mungkin

juga menambah galakan kepada pengedar atau bakal menjadi pengedar yang ada dalam negara dan saya ingin tahu sama ada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mempunyai satu bentuk atau cara mengawal berita-berita di dalam akhbar-akhbar dalam negara ini supaya dia tidak menggambarkan, supaya jangan merupakan satu yang ghairah dan tarikan kepada pengedar dadah tentang berita-berita tangkapan pengedar dadah.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya nyatakan bahawasanya jika kita mengetahui undang-undang yang berkaitan dengan dadah terutama sekali Perkara 39B yang mana kita menyebutkan di situ bahawasanya sesiapa yang mengedar dadah ianya apakala didapati salah sebagaimana yang dituduh itu maka akan dihukum dengan hukuman mati dan kalau kita lihat pula kepada Seksyen 37D (a) yang mana sesiapa sahaja yang mempunyai atau memiliki 100 grams heroin atau morphine maka jika soal itu sabit, ianya dikira atau dianggap sebagai pengedar dan hukumannya ialah hukuman mati. Jadi dengan menyatakan berapa gram ataupun berapa berat setiap pengedar itu membawa atau mengedar dadah, pada hemat saya, akan memberikan satu perasaan takut dan ngeri dan bukannya merupakan satu perasaan yang boleh menggalakkan tetapi mengerikan seseorang itu, bahkan boleh menghalang seseorang itu daripada menjadi pengedar. Itulah perkara yang biasanya kita nyatakan di akhbar atau di TV sekiranya seseorang itu mengedar dadah yang berkenaan dengan banyaknya, dan jika didapati melebihi daripada apa yang diperkatakan tadi, maka sudah tentulah hukuman yang dikenakan ke atasnya adalah berat.

PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN—PENINGKATAN

8. Dato' Chin Kim Yoong minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pelepasan cukai pendapatan sebanyak \$5,000 seorang itu adalah tidak mencukupi memandangkan kos sara hidup yang meningkat sekarang dan sama ada beliau akan meningkatkan kadar ini dari yang terdapat sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menambakkah lagi pelepasan diri sebanyak \$5,000 bagi tujuan cukai pendapatan. Yang Berhormat patutlah sedar bahawa pemberian pelepasan cukai bukanlah bertujuan untuk menampung keseluruhan kos sara hidup atau memberi subsidi sepenuhnya kepada pembayar-pembayar cukai. Pelepasan cukai pendapatan ini sebenarnya hanyalah bertujuan untuk membantu meringankan bebanan sebahagian dari kos sara hidup yang ditanggung oleh pembayar-pembayar cukai. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, jumlah pelepasan cukai yang ada sekarang ini sudah bersifat liberal dan jika dibandingkan dengan kadar pelepasan cukai pendapatan dengan negara-negara ASEAN yang lain kadar pelepasan cukai pendapatan di negara kita adalah lebih tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seseorang pembayar cukai itu berhak mendapat pelepasan cukai-cukai maksima sebanyak \$13,500 terdiri daripada:

- (a) \$5,000 untuk diri sendiri
- (b) \$2,000 untuk isteri
- (c) \$3,000 untuk 5 anak
- (d) \$3,000 untuk EPF dan insurans.

Di samping itu, pada tiap-tiap pembayar cukai itu berhak mendapat rebate ke atas cukai yang kena dibayar itu sebanyak \$60 untuk suami dan \$30 untuk isteri. Bagi pembayar cukai di peringkat bawah sekali rebate sebanyak \$90 ini adalah sama dengan pelepasan sebanyak \$1,000.

Jadi, jika dicampur kesemua pelepasan yang boleh dituntut oleh seseorang pembayar cukai itu, jumlahnya ialah \$15,000. Ini bermakna, jika seseorang itu boleh menikmati segala pelepasan itu, ia tidak akan membayar apa-apa cukai jika sekiranya pendapatannya tidak melebihi \$1,250 bulan.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan nombor 8 ialah berkaitan dengan kos sara hidup dan saya pandang daripada kos sara hidup ini berkaitan dengan Angka Tunjuk Harga Pengguna (Consumer Price Index), pada tahun 1970 pelepasan itu cuma sebanyak

\$2,000 dan sekarang telah dinaikkan sebanyak \$5,000 sebagai yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Angka Tunjuk Harga Pengguna telah naik daripada 1970 hingga pada hari ini (1982) sebanyak 200% dan juga, pada pendapat saya, per capita income di negara kita cuma sebanyak \$4,400 setahun. Nampaknya pelepasan sebanyak \$5,000 ini adalah melebihi daripada per capita income ataupun kenaikan Consumer Price Index, oleh itu, pada pendapat saya, pelepasan \$5,000 itu adalah berpatutan. Tetapi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri perkara yang menghairankan apabila seseorang isteri itu bekerja, mengapa pelepasan atau pengecualian cukai (relief) tidak diberikan sepenuhnya kepada seseorang isteri itu bila pentaksiran cukai yang diasingkan daripada penaksiran cukai suaminya, walhal wanita yang belum kahwin mendapat pelepasan dengan sepenuhnya. Saya ingin mendapat penerangan daripada segi ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas penjelasan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana penjelasan yang diberi itu adalah relevant kepada soal ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mencuba melalui beberapa cara untuk menahan kenaikan kos sara hidup di dalam negara ini seperti subsidi minyak, subsidi padi, subsidi baja, subsidi beberapa bahan-bahan yang perlu melalui controlled price items dan pada setakat ini Kerajaan memikirkan apa-apa bantuan yang diberikan adalah mencukupi.

Kepada soalan yang kedua iaitu saya percaya mungkin pendapat Kementerian Kewangan ataupun Jabatan Hasil Dalam Negeri adalah, dengan izin, it is cheaper to live in pair dan oleh kerana itu tidak mendapatkan kecualian yang penuh kepada isteri.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ini adakah bermakna Kerajaan kita menggalakkan seperti seseorang perempuan, dengan izin, 'live in sin' supaya dapat pengecualian secara penuh, dan jika dia berkahwin, dan dia dapat pengecualian secara sedikit sahaja.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya bukanlah menggalakkan 'live in sin' tetapi ada kemungkinan apa yang disebutkan tadi adalah pendapat Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah cadangan daripada Yang Berhormat itu boleh dibawa berunding dahulu, jangan tolak dahulu, tetapi berunding, sebab isteri yang bekerja, jikalau dia tidak bersuami dia dapat penuh; isteri yang bekerja tetapi bersuami, dia dapat kurang \$2,000 sahaja pelepasan cukainya. Soalannya pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat ini balik berunding minta begini, demi keadilan.

Dato Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, boleh. (*Ketawa*)

TOL PLAZA LEBUHRAYA KUALA LUMPUR/SEREMBAN— PERBELANJAAN

9. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) jumlah perbelanjaan mendirikan kedua-dua TOL Plaza lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban;
- (b) berapakah hitung panjang kenderaan yang menggunakan lebuhraya tersebut tiap-tiap bulan; dan
- (c) berapakah kutipan tiap-tiap bulan yang diperolehi dari kedua-dua TOL tersebut.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, jumlah perbelanjaan mendirikan kedua-dua Plaza Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban ialah sebanyak \$6,098,800.

Pada hitung panjangnya, kenderaan yang menggunakan Lebuhraya tersebut pada tiap-tiap bulan ialah sebanyak satu juta kenderaan dalam lengkongan satu juta, dengan memberi kutipan pendapatan kepada Kerajaan dalam lengkongan purata \$900,000 sebulan.

Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ingin bertanya tiga soalan.

Pertama, ada kita baca dalam suratkhbar mengatakan banyak kenderaan-kenderaan yang tidak menggunakan Tol Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban ini dan mengikut jalan-jalan yang lain iaitu jalan Nilai ke Seremban, jalan Sungei Besi ke Kajang. Adakah ini betul?

Kedua, saya ingin tahu, tidakkah ada cadangan tol ini dikenakan kepada Lebuhraya Kuala Lumpur ke Karak Highway di masa yang akan datang sebagaimana dikenakan Lebuhraya Seremban/Kuala Lumpur; dan Ketiga, tidak adakah pengecualian kepada Wakil-wakil Rakyat ataupun Ahli-ahli Dewan Negara menggunakan jalan itu.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dengan kita mengadakan jalan tol ini, mestilah dahulu mengadakan jalan rangkaian biasa dengan tujuan untuk memberi kemudahan kepada pengguna-pengguna tanpa dikenakan bayaran. Ini adalah tanggungjawab Kerajaan. Jadi kalau mana-mana pihak tidak hendak menggunakan jalan tol dengan menggunakan jalan lain yang disediakan oleh pihak Kerajaan juga, maka itu adalah perkara biasa, pilihan mereka. Memanglah betul ada pengguna-pengguna jalanraya yang tidak menggunakan jalan tol ini untuk perjalanan Kuala Lumpur ke Seremban dan sebaliknya.

Perkara yang kedua, Karak Highway adalah juga dalam kajian pihak Kerajaan, sama ada akan dikenakan tol atau tidak, tetapi sukalah saya mengambil perhatian Yang Berhormat Karak Highway ini ialah satu jalan ke Pantai Timur di mana perkembangan pembangunan masih lagi ketinggalan dan dengan adanya jalan bertol, mungkin terlambat sedikit untuk mencapai kejayaan dalam pembangunan seperti yang dicadangkan.

Dari segi mengeneipkan pembayaran kepada Yang Berhormat, saya telahpun diberitahu oleh Menteri saya, beliau sendiri sebagai Menteri pun juga terpaksa kena membayar tol itu.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya terutama saya suka menyatakan kalau ada jalan free, saya tidak hendak, saya hendak jalan tol bagi membantu Kerajaan dalam segi membanyakkan kewangan negara, tetapi bolehkah saya mohon Kerajaan menimbangkan daripada Kuala Lumpur ke Kajang, saya mengikut jalan tol, tetapi bila sampai di simpang itu, saya masuk jalan kampung, balik semula sedangkan Kajang ini satu tempat yang masyhur dengan sateynya untuk membawa pelancong luar negeri, kita harus membetulkan jalan ini. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan pandangan saya bahawa jalan simpang daripada Seremban ke Kajang itu dibuat jalan yang lebih baik, tidaklah melalui lengkung-lengkong corner yang banyak, kadang-kadang takut, Tuan Yang di-Pertua.

Soalan saya yang kedua, saya berterima kasih dengan Yang Berhormat Menteri membayar tol, sebab saya kenal dia hampir-hampir sama saya ke Dewan ini sejak tahun 1962 dan saya faham keadaan semangatnya, tetapi mengapa berbeza, iaitu Tol Peramu di Pekan dikesualikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dan di Slim River sekarang baru dikenakan, jadi berbeza, pada hal Menterinya sama. Kalau bolehlah, kita timbang semula, sebab bukan semua barat tidak baik, tetapi kita ambil dari segi yang baik iaitu kita berilah kehormatan semua Ahli Dewan dan sebagainya supaya tidak ada perbezaan. Kalau sekiranya semua sekali kita umumkan sekarang bahawa di masa hadapan semua Lebuhraya akan dikenakan tol—tidak payahlah dibuat cadangan hendak buat seperti Karak Highway walaupun ia sudah berjalan 4 tahun, masih dalam pertambahan lagi. Kalau kita buat satu-satu tol itu hendaklah standardise.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar khabar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda sahaja yang bebas, Perdana Menteri pun kena bayar tol, jadi apa salahnya biarlah kita undur setapak dengan jalan yang lebih baik iaitu kita ikut yang lama.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Seremban/Kuala Lumpur Highway ini ialah jalan yang dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia. Lagi satu jalan untuk pergi ke Seremban ialah jalan lama, jalan besar yang melalui Ceras, Kajang dan seterusnya ke Seremban. Ini adalah jalan di bawah jagaan Jabatan Kerjaraya. Untuk hendak menyampaikan satu-satu perjalanan ke Kajang yang lebih baiknya dari Kuala Lumpur iaitu jalan lama, tetapi oleh kerana hendak mengimbangkan keadaan jalan lama yang menyambung jalan Lebuhraya ini dengan jalan lama itu juga telahpun diperbaiki sedikit-sedikit, tetapi belum lagi dapat dianggapkan sebagai Lebuhraya ataupun jalanraya besar. Walau bagaimanapun, dalam perancangan Kerajaan memanglah jalan-jalan ini diperbesarkan dari masa ke semasa, tetapi untuk diberi perhatian khas untuk menyambung jalan besar yang lama dengan jalan tol ini tidaklah dapat dirancangan buat sementara ini kerana tidak ada keperluannya.

Perkara yang kedua adanya perbezaan di antara kutipan tol di Peramu dengan Tol di Slim River dan Seremban/Kuala Lumpur ialah kerana kutipan di Peramu itu ialah kutipan yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mengutip balik harga pembinaan jambatan, tetapi bagi kutipan Lebuhraya ini ialah dengan konsep yang lain, iaitu untuk mencari punca kewangan bukan sahaja untuk menampung harga jalanraya dan menyelenggarakan jalan ini, bahkan juga untuk menjadi satu punca untuk membiayai jalan-jalan baru yang bertol juga, itulah perbezaannya. Jadi tidaklah boleh diperimbangkan di antara kedua-dua ini, kerana kedua-dua ini adalah berlainan tanggungjawab dan puncanya.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Telah kedapatan beberapa kali saya melalui tol ini didapati penjaga tol atau pengutip cukai tol itu tidak mengeluarkan resit kalau kita tidak minta ataupun kita tidak tunggu. Adakah ini bermaksud mereka ini telah dilatih begitu atau sengaja mereka hendak mempermain-mainkan kita atau boleh mendatangkan syak wasangka kepada kita

semua sama ada wang itu telah betul dimasukkan dalam kaunter ataupun sebaliknya.

Soalan kedua, iaitu didapati tiap-tiap lorong yang saya telah tempohi melalui tol di antara Kuala Lumpur-Seremban ini resit yang diterima bila kita minta dan bila kita hendak baca tak nampak angka hurufnya ataupun dakwat yang merakamkan angka tulisan itu semua sebab didapati semuanya kabur. Tidakkah ini menjadi satu kekeliruan atau kesusahan kepada orang ramai yang melalui tol ini.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mesin yang digunakan dalam Rumah Plaza Tol ini ialah menggunakan cara moden elektronik yang meregisterkan tiap-tiap kenderaan yang lalulintas di tempat ini. Mungkin kalau Yang Berhormat hendak cuba, sebelum dia picit button itu kalau lalu akan dibunyikan semboyan dan sebagainya, ini menunjukkan kenderaan itu belum diregister untuk dapat lalu masuk ke dalam jalan tol ini. Jadi itulah cara kita mengelak daripada apa penyelewengan yang berlaku. Resit yang dikeluarkan itu cuma untuk pengguna-pengguna menggunakan sebagai satu tanda untuk hendak claim daripada mana-mana pihak dan sebagainya, bukanlah untuk menunjukkan pembayaran itu dibuat kepada Lembaga Lebuhraya.

Dalam segi resit yang tidak begitu nyata, saya akan ambil tindakan segera untuk memberi kepuasan hati Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).

RUMAH-RUMAH SETINGGAN DI KUALA LUMPUR

10. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

(a) jumlah bilangan rumah-rumah setinggan di Kuala Lumpur sehingga

sekarang dan juga peratus penghuni setinggan mengikut kaum;

- (b) jumlah bilangan yang diberi rumah pangsa atau rumah panjang akibat daripada pembangunan Kerajaan; dan
- (c) jumlah bilangan paip-air diberikan oleh pihak Kementerian kepada kawasan setinggan dan apakah kriteria sebelum permohonan paip-paip itu dapat diluluskan.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: (a) Di dalam tahun 1978 dari bancian yang dibuat untuk tujuan penyediaan Pelan Struktur Kuala Lumpur, jumlah setinggan di Wilayah Persekutuan dengan keluasan Wilayah Persekutuan 94 batu persegi ialah seramai 243,154 orang yang terdiri daripada 48,709 keluarga dan mendiami sejumlah 40,934 unit rumah setinggan. Setinggan ini terdiri daripada 44.7% Cina, 41.6% Melayu, 13.6% India dan 0.1% lain-lain bangsa.

Dalam tahun 1980 angka-angka setinggan ini telah dikurangkan kepada 233,109 orang yang terdiri daripada 46,709 keluarga yang mendiami dalam 36,502 unit rumah setinggan. Seramai 2,755 keluarga setinggan telah dipindahkan ke rumah-rumah pangsa/rumah panjang Dewan Bandaraya kerana terlibat dengan pelaksanaan projek pembangunan.

Manakala tahun 1982 seramai 1,300 keluarga setinggan telah dipindahkan ke Rancangan Perumahan Awam Dewan Bandaraya menjadikan angka setinggan sekarang ialah seramai 219,545 orang yang terdiri daripada 43,909 keluarga dan mendiami disejumlah 34,269 rumah setinggan. Peratus setinggan yang masih wujud mengikut pecahan kaum ialah 46% keluarga Cina, 39% keluarga Melayu dan 15% keluarga India.

(b) Jumlah setinggan yang diperuntukkan rumah-pangsa dan rumah-panjang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang terlibat dengan projek pembangunan Kerajaan dari

tahun 1975 hingga bulan November 1982 adalah seperti berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1975..	120
1976..	40
1977..	160
1978..	121
1979..	514
1980..	429
1981..	1,030
1982	(sehingga November 1982)	1,281
JUMLAH BESAR ..		3,695

(c) Sebanyak 723 buah paip umum telah diberikan oleh Kementerian/Dewan Bandaraya kepada kawasan-kawasan setinggan sehingga tahun 1982. Kriteria sebelum satu-satu permohonan diluluskan adalah seperti berikut:

- (i) Mempastikan bahawa kawasan-kawasan setinggan yang memohon tidak terlibat dengan projek-projek pembangunan.
- (ii) Mempastikan bahawa jumlah rumah-rumah setinggan yang terdapat di kawasan-kawasan yang memohon (sekurang-kurangnya 20 buah rumah bagi tiap-tiap satu kawasan).
- (iii) Kawasan-kawasan setinggan yang dipertimbangkan adalah di atas tanah kerajaan dan tidak di atas tanah persendirian (private land). Paip-paip yang dipasang di atas tanah persendirian mestilah mendapat kebenaran bertulis dari pemiliknya.
- (iv) Mempastikan juga kawasan-kawasan setinggan yang memohon ada berhampiran dengan 'paip besar' (main pipe) supaya perbelanjaan memasang tidak memerlukan kos yang tinggi.
- (v) Keputusan terakhir tertakluk kepada kemampuan dari segi teknikal oleh Jabatan Kerja Air Selangor.

DERAF PELAN INDUK KUALA LUMPUR

11. Tuan Alexander Y. L. Lee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau akan membentangkan deraf Pelan Induk Kuala Lumpur di Parlimen untuk dibahaskan sebelum meluluskannya.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tidak. Tidak ada perbekalan undang-undang yang memestikan Menteri Wilayah Persekutuan membentangkannya di Parlimen.

DEMOKTARIK KAMPUCHEA— PENDIRIAN INDIA

12. Tuan K. Kumaran minta Menteri Luar Negeri menyatakan ketetapan India tidak mengiktirafkan Demokratik Kampuchea pimpinan Putera Norodom Sihanouk di forum-forum Antarabangsa dan Bangsa-bangsa Bersatu dan apakah langkah yang diambil oleh ASEAN terutama Malaysia untuk mengubah sikap pendirian negara itu dan apakah pendirian ASEAN jika India sebagai Pengerusi tidak menjemput Demokratik Kampuchea untuk menghadiri Persidangan Berkecuali (Conference of Non-Aligned Nations) di New Delhi kelak.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Setelah mengiktiraf rejim Heng Samrin, bermakna India menentang tauliah Demokratik Kampuchea dan di Sessi Ke 36 Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu India telah gagal dalam usaha mencabar tauliah Kerajaan Demokratik Kampuchea yang dipimpin oleh Putera Sihanouk. Pendirian India itu bercanggah dengan pendapat majoriti kalangan antarabangsa dan terbukti dari sokongan besar yang diperolehi oleh Kerajaan Demokratik Kampuchea di Bangsa-bangsa Bersatu dan lain-lain forum antarabangsa. Mengenai sebab-sebab sebenarnya India bersikap demikian hanya India sahaja yang mengetahuinya.

Pengiktirafan rejim Heng Samrin oleh India adalah hak mutlak negara itu sendiri. Tetapi

sebagai tuanrumah kepada Persidangan Negara-negara Berkecuali yang akan datang, kita berharap India tidak akan memaksa penerimaan pendirian kerajaannya kepada persidangan itu. Kita berharap India akan memberi perhatian terhadap pendapat kalangan antarabangsa yang telah memberi sokongan kepada Kerajaan Demokratik Kampuchea pimpinan Putera Sihanouk sebagai kerajaan yang sah di Kampuchea.

Kerajaan Demokratik Kampuchea telah dinafikan haknya untuk menyertai Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali di Havana di bawah apa yang di panggil formula "vacant seat". Kita berharap satu keputusan akan dicapai supaya Kerajaan Demokratik Kampuchea dapat menyertai Persidangan Negara-negara Berkecuali di New Delhi kelak kerana kerajaan itu merupakan Kerajaan Kampuchea yang sah.

PENYAKIT MERAH PADI DI PERLIS DAN KEDAH

13. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah kajian atau tinjauan yang telah dibuat ke atas dakwaan petani yang mendakwa bahawa penyakit merah padi yang berlaku di Perlis dan Kedah pada musim padi yang lepas disebabkan oleh bahan-bahan kimia yang berlebihan dalam baja bantuan Kerajaan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Kajian menunjukkan bahawa Penyakit Merah bukan disebabkan oleh kegunaan baja yang dibekal oleh Kerajaan di Perlis dan Kedah pada musim padi yang lepas. Penyakit Merah adalah disebabkan oleh virus yang dibawa oleh bena hijau (Nephotex sp.)

REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA KE NAMIBIA

14. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan askar dan nama pasukan askar yang akan dihantar ke Namibia sebagai "Peace-keeping Troop" Bangsa-bangsa Bersatu dan adakah pasukan yang dihantar itu mencerminkan komposisi kaum di negara ini.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Kerajaan telahpun bersetuju untuk menghantar seramai 740 orang anggota tentera kita untuk turut serta mengambil bahagian dalam United Nations Transitional Assistance Group (UNTAG). Jumlah ini adalah untuk satu batalion infanteri yang mengandungi seramai 700 orang daripada semua peringkat bersama dengan 40 orang pegawai sebagai kumpulan Pegawai Pengawal (Monitoring Officers).

Pasukan infanteri yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan ialah dari Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu Di Raja. Beberapa orang anggota tentera dari unit lain juga akan ditumpangkan ke dalam batalion ini sebagai pasukan bantuan yang terdiri dari pasukan jurutera, semboyan, perkhidmatan perubatan, elektrik dan jentera serta pasukan polis tentera untuk melengkapkan batalion ini supaya menjadi kontijen yang "self-sufficient".

Dari segi komposisi kaum, di sini suka saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini iaitu batalion yang akan dihantar berkhidmat di Namibia adalah dari Rejimen Askar Melayu Di Raja. Tetapi walau bagaimanapun, anggota-anggota bukan Melayu juga akan turut serta dalam pasukan ini sebagai anggota pasukan bantuan. Jumlahnya akan ditentukan oleh pemilihan mengikut kebolehan dan kesesuaian mereka untuk bertugas di Namibia nanti.

MEMODENKAN SISTEM PENTADBIRAN/PENGURUSAN

15. Tuan D. P. Vijandran minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada sebarang kajian pengurusan dibuat mengenai aspek-aspek pengurusan Jepun yang berguna dan sesuai dengan nilai-nilai dan sistem-sistem yang sedang diadakan di Malaysia; dan
- (b) sama ada Kerajaan bercadang untuk mengumumkan panduan-panduan

menerangkan dasar-dasar serta cara-cara pengurusan dan juga nilai-nilai umum dari Jepun yang harus dimasukkan ke dalam sistem pengurusan yang sedang wujud di Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Dalam usaha memperbaiki dan memodenkan sistem pentadbiran dan pengurusan di negara ini, Kerajaan sentiasa mencari contoh-contoh yang boleh diterima untuk tujuan ini, contoh-auladan yang baik juga terdapat di Negeri Jepun dan Korea Selatan.

Kajian-kajian sedang terus berjalan untuk menyerap cara-cara dan sistem yang berkesan seperti Etika Kerja dan Sistem Q.C.C. dari Jepun serta pendekatan Saemoul Undong dari Korea Selatan. Di samping itu, sikap serta nilai-nilai pengurusan yang baik dari negara-negara Timur yang sudah maju juga sedang diteliti untuk diterapkan dalam pengurusan di Malaysia.

Sesudah kajian dan penelitian yang sewajarnya selesai dibuat memanglah hasrat Kerajaan untuk mengeluarkan panduan-panduan kerja dan prinsip-prinsip pengurusan yang baru. Malah separuh dari pemikiran-pemikiran baru itu sudahpun mula dilaksanakan melalui sistem latihan dan perubahan-perubahan sistem pentadbiran dan pengurusan yang sedang dilaksanakan sekarang ini. Contoh-contohnya termasuklah usaha merapatkan hubungan majikan dengan pekerja, meluaskan penyertaan pekerja dalam proses membuat keputusan dan memberi tekanan perhatian kepada peningkatan hasil kerja dalam sistem pengurusan di negara ini

DOKTOR PAKAR DI HOSPITAL-HOSPITAL

16. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah Kerajaan tidak mengadakan peraturan-peraturan untuk menggalakkan doktor-doktor pakar berkhidmat di semua hospital dari hospital besar hingga ke hospital daerah.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Pathmanaban): Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian telah menetapkan kriteria-kriteria tertentu dalam urusan penempatan pakar-pakar di hospital-hospital di seluruh negara.

Adalah tidak wajar untuk menempatkan pakar-pakar di tiap-tiap hospital memandangkan bahawa di setengah-setengah hospital hanya terdapat 30-150 katil. Perkhidmatan pakar-pakar tidak akan digunakan dengan sepenuhnya sekiranya mereka ditempatkan di hospital-hospital itu. Untuk memastikan keseimbangan dalam penempatan pakar-pakar di seluruh negara, beberapa hospital daerah yang besar telah disediakan perkhidmatan pakar-pakar berasaskan kepada saiz, lokasi dan khidmat rawatan yang dibekalkan kepada jumlah bilangan penduduk-penduduk oleh hospital itu. Sebagai tambahan kepada ini, semua hospital besar, iaitu sebuah untuk satu-satu Negeri, ada disediakan dengan perkhidmatan pakar-pakar.

Saya suka menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan sentiasa mengawasi keadaan penempatan pakar-pakar di seluruh Negeri dan berusaha untuk memperluaskan perkhidmatan kepakaran ini kepada beberapa hospital yang boleh.

USUL-USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan

ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA BEKAS TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA, Y.B. JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara Y.B. Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin.

Tuan Yang di-Pertua, pada 28hb Julai, 1982 Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin telah pun menggenapkan perkhidmatannya selama satu penggal, iaitu selama 6 tahun sebagai Ahli Dewan Negara. Perkhidmatannya dalam Dewan yang mulia ini adalah sebagai ahli biasa dan juga sebagai

Timbalan Yang di-Pertua. Perlantikannya bermula pada 29hb Julai, 1976 sebagai Ahli dan pada 13hb April, 1981 beliau telah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua sehinggalah perkhidmatannya berakhir pada 28hb Julai yang lalu. Walaupun perkhidmatan beliau sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara tidaklah begitu lama, iaitu bagi tempoh selama 1 tahun 3 bulan sahaja, kita telah merasakan kesan kepimpinannya itu sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid lahir pada 1hb Julai, 1918 di Pahang dan seterusnya selepas tamat persekolahan beliau telah berkhidmat di dalam Angkatan Tentera sehinggalah menjawat jawatan yang paling tinggi dalam profesyen tersebut, iaitu sebagai Ketua Turus Angkatan Tentera. Beliau bersara pada tahun 1970. Semasa dalam Angkatan Tentera Malaysia, beliau pernah berkhidmat di Kongo di bawah Panji-panji Bangsa-bangsa Bersatu. Pada tahun 1970 juga, iaitu selepas bersara, beliau telah dilantik sebagai Duta Besar Malaysia di Bangkok, Thailand merangkap Duta Besar ke Kampuchea dan Laos.

Yang Berhormat Tan Sri Haji Abdul Hamid adalah seorang tokoh yang telah berjasa kepada negara dan sebagai bukti kepada ketokohnya itu beliau telah dikurniakan Darjah-darjah Kebesaran dan Bintang-bintang Penghormatan, sama ada di dalam atau di luar negeri.

Perlantikannya sebagai Ahli Dewan Negara dalam tahun 1976 merupakan penghargaan Kerajaan terhadap perkhidmatannya yang cemerlang kepada negara. Kehadirannya menganggotai Dewan yang mulia ini membawa bersama-samanya pengalaman yang luas dan lama dalam bidang ketenteraan di samping pengalaman sebagai seorang Diplomat. Semasa menjadi ahli biasa di Dewan ini beliau telah memberi sumbangan fikiran yang bernas di dalam membahaskan isu-isu semasa, khususnya, perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah kebajikan Anggota-anggota Tentera. Sifat-sifat kepimpinannya di dalam Angkatan Tentera

serta pengalamannya sebagai Diplomat telah dapat digunakan dengan berkesan semasa ia memegang jawatan Timbalan Yang di-Pertua. Ketokohnya banyak membantu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dalam mengendalikan urusan-urusan Dewan yang mulia ini supaya dapat dijalankan dengan tenang dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya jasa-jasa beliau tetap dikenang dan Dewan yang mulia ini rasa bertuah mempunyai seorang tokoh yang berkaliber seperti Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin sebagai Timbalan Yang di-Pertua. Semoga Allah subhanahu wa ta'ala sentiasa memberkati segala amal dan usaha Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Mohamed bin Nasir, untuk dibahas. (*Tidak ada perbahasan*)

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak mengambil peluang ini untuk mengucapkan penghargaan yang tinggi dan terima kasih yang tidak terhingga atas bantuan yang tidak ternilai yang telah disumbangkan kepada Dewan ini oleh Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin. Lebih-lebih lagi kerana semasa saya dipilih sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara dalam tahun 1980, bantuan dan pengalaman Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin menjadi sangat berguna kepada saya.

Saya berharap dan berdoa semoga dalam hidup persaraannya, Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin akan menikmati kerehatan dan kesentosaan hidup yang patut dinikmatinya setelah berkhidmat dengan taat setia kepada negara sepanjang tempoh perkhidmatannya dalam berbagai

jawatan sebagai seorang askar mempertahankan keselamatan negara; sebagai diplomat menegak dan memupuk gambaran yang baik negara kita di luar negeri dan akhirnya sebagai ahli politik menyumbang terhadap kecekapan pentadbiran Kerajaan. Saya yakin dan percaya bahawa perkhidmatan yang unik ini kepada negara akan tercatat dalam sejarah negara ini sebagai satu tauladan yang patut dicontohi oleh generasi akan datang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui,

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan ucapan terima kasih atas perkhidmatan bekas Tuan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Berhormat Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

3.55 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Bismillahir-rahmanir-rahim. Segala puji bagi Allah s.w.t., selawat dan salam kepada Junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. dan keluarga serta sahabat-sahabatnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengemukakan satu usul seperti berikut:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zahil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Keenam."

Tuan Yang di-Pertua, bagi diri saya peluang untuk mencadangkan usul tersebut adalah satu penghormatan yang sangat tinggi yang diberi oleh pucuk pimpinan terhadap diri saya kerana mendapat peluang untuk mengemukakan usul Menjunjung Kasih di atas Titah Diraja dan saya sedaya upaya melafazkan usul tersebut bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita menjunjung tinggi Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ucapan Baginda adalah begitu menyeluruh liputannya dan memberi satu gambaran yang lengkap mengenai perkembangan semasa negara kita. Titah Ucapan Baginda juga mencerminkan kasih sayang Baginda terhadap rakyat Malaysia dan perhatian berat Baginda terhadap kebahagiaan mereka.

Kita rakyat Malaysia sungguh bertuah kerana diperintahkan oleh seorang Raja yang berjiwa rakyat. Kita rakyat Malaysia bersyukur kepada Allah s.w.t. mudah-mudahan dilanjutkan usia Baginda dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga bertuah kerana telah menikmati kestabilan politik dengan kemajuan dan kemakmuran yang kita nikmati sekarang ini adalah satu pencapaian cemerlang memandangkan banyak negara yang lain yang telah mencapai kemerdekaan masih terjerumus dalam pergolakan dan kemiskinan. Kejayaan besar yang boleh kita banggakan ini memang disebabkan usaha-usaha gigih Kerajaan Malaysia untuk mengukuhkan perpaduan dan meninggikan taraf hidup rakyat, Rakyat Malaysia beruntung kerana dapat Kerajaan yang diketuai oleh pemimpin yang berkaliber, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri kita sekarang.

(Dato' Sulaiman bin Ninam Shah *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, tahun 1982 ini memang satu tahun yang bersejarah bagi negara kita bukan sahaja kerana kita

merayakan ulangtahun ke 25 kelahiran negara kita yang merdeka tetapi juga kerana buat pertama kalinya Wakil-wakil Rakyat kita telah juga menerima undi dari generasi muda kita yang dilahirkan selepas tahun 1957 dalam pilihanraya pada 22hb April yang lalu. Jangka 25 tahun atau sesuku abad bukanlah satu jangka masa yang panjang kalau dibandingkan dengan setengah negara yang mempunyai sejarah yang beribu tahun lamanya tetapi bagi sebuah negara baru seperti Malaysia ia juga bukanlah jangka masa yang singkat. Dalam masa 25 tahun yang lalu kita telah mencapai banyak kejayaan terutama dalam bidang ekonomi kita telah menunjukkan perlakuan ekonomi yang amat menggalakkan dengan memperolehi satu kadar pembangunan dan satu taraf hidup yang sukar ditandingi oleh negara-negara sedang membangun yang lain. Namun Malaysia sekarang dihormati oleh negara-negara lain tidak kira negara maju atau negara sedang membangun, baik negara Islam mahupun negara bukan Islam, kedudukan antarabangsa negara kita ini adalah disebabkan bukan sahaja perkembangan ekonomi kita yang pesat tetapi juga peranan kita yang kian aktif dalam hal ehwal antarabangsa.

Kerajaan dan rakyat negara kita telah menyokong secara moral dan material perjuangan rakyat Palestin. Malahan negara kita sudah sanggup memberi bantuan tertentu kepada setengah-setengah negara yang sedang membangun. Namun di samping kita berbesar hati dengan kejayaan kita, kita juga perlu memberi perhatian wajar kepada masalah dan cabaran yang kita hadapi masa ini dan merancang untuk mencapai kejayaan yang lebih besar dalam masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan besar yang telah dicapai dalam berbagai-bagai bidang pembangunan negara adalah tidak dapat dinafikan. Hasil daripada keupayaan Kerajaan dan lebih-lebih lagi perpaduan rakyat yang terdiri daripada berbilang kaum, perpaduan rakyat adalah teras kepada pembangunan negara. Tanpa perpaduan rakyat segala usaha pembangunan negara kita akan tidak berjaya.

Selama 25 tahun ini kita telah dapat memelihara perpaduan rakyat dan telah mengambil langkah-langkah jangka panjang kerana mewujudkan satu identiti Malaysia dan satu bangsa Malaysia. Namun demikian masih banyak lagi yang perlu kita usahakan untuk mencapai matlamat ini. Kalau kita tinjau keadaan di sekitar kita, kita akan dapati masih ada tanda-tanda ketara yang memperlihatkan prasangka, salah anggap dan syakwasangka yang menjejaskan usaha kita untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum. Nyata sekali masih kurang kegiatan yang bersifat berbagai kaum untuk membolehkan rakyat berdamping dan bergaul serta menjalinkan hubungan yang berasaskan kesefahaman dan persahabatan. Kegiatan sosial yang dapat menolong mengikis prasangka dan salah anggap mestilah diperbanyakkan dan dipergiatkan di semua kawasan dan pada semua bidang penghidupan rakyat. Rasa kekitaan dan kemalaysiaan mestilah disemai dan ditanam dalam jiwa generasi muda kita terutama di kalangan murid-murid sekolah kita. Masa depan Malaysia akan terjamin hanya kalau kita dapat memastikan generasi muda kita akan membesar menjadi warganegara yang berjiwa dan bersemangat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kemakmuran negara kita juga bergantung kepada keupayaan kita, mengeluarkan cukup tenaga manusia yang berkebolehan untuk memenuhi keperluan negara dalam berbagai bidang pembangunan terutama dalam perindustrian dan perdagangan. Pengeluaran tenaga manusia ini dipikul oleh sistem pendidikan kita yang sekarang, menghadapi cabaran-cabaran baru. Sistem pendidikan kita perlu diubahsuai orientasinya untuk menghasilkan lebih banyak pakar khususnya dalam bidang sains dan teknologi dan juga pentadbiran yang amat diperlukan dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan negara kita.

Adalah satu perkara yang mengembirakan bahawa pihak Kementerian telah menyedari kelemahan kita dalam kurikulum sekolah rendah kita sekarang dan akan melancarkan kurikulum baru sekolah rendah pada tahun hadapan. Setiap tahun kita memperuntukkan

beratus-ratus juta ringgit untuk menampung keperluan pendidikan rakyat yang kian bertambah. Oleh itu kita mestilah memastikan setiap ringgit yang dibelanjakan dalam pendidikan mendatangkan manfaat dan wajar. Pembaziran pendidikan dalam sistem pendidikan kita mestilah dikurangkan seberapa mungkin. Kita haruslah merendahkan seberapa boleh kadar keciciran dalam sekolah kita. Kita juga harus melaksanakan panduan dalam kursus-kursus yang ditawarkan oleh universiti-universiti kita dan menggunakan sebaik-baiknya kemudahan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, tahun depan iaitu tahun 1983 akan menjadi tahun bersejarah bagi Bahasa Malaysia kerana Bahasa Malaysia akan mencapai status dewasanya bila digunakan sebagai bahasa penghantar pada semua peringkat pendidikan termasuk universiti-universiti kita. Tetapi ini bukanlah akhirnya untuk kita untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai alat komunikasi dan penuntutan ilmu yang berkesan. Ini hanya merupakan langkah pertama dalam perjalanan yang masih jauh. Walaupun Bahasa Malaysia kita telah matang sejak ia menjadi Bahasa Kebangsaan kita selepas kita mencapai kemerdekaan, tetapi untuk menjadi Bahasa Malaysia bahasa ilmu yang layak dalam berbagai bidang pengkhususan di institusi-institusi tinggi kita, usaha yang lebih giat lagi haruslah dijalankan termasuk mengadakan lebih banyak istilah-istilah lengkap dan buku-buku teks dan rujukan dalam Bahasa Malaysia. Pembangunan dan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai ilmu yang bertaraf antarabangsa juga memerlukan kita meningkatkan mutu pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah kita.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita seperti negara-negara sedang membangun yang lain sedang mengalami kesan-kesan kemelesetan ekonomi seluruh dunia. Oleh kerana kemerosotan permintaan negara-negara maju terhadap keluaran negara kita, kita sedang menderita kemerosotan harga bagi bahan-bahan utama kita termasuk timah, getah dan kelapa sawit yang merupakan tiang ekonomi

negara kita. Harga bahan-bahan mentah yang tersebut berada di paras yang rendah, mengurangkan pendapatan rakyat dan mendatangkan kerugian dan kesusahan kepada rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah. Walaupun keadaan meleset ini tidak dapat dielakkan kerana merupakan keadaan sejagat, dan ia hanya keadaan sementara, namun kesusahan yang dihadapi oleh golongan miskin mestilah diberi bantuan wajar. Kerajaan memang menghadapi banyak batasan tetapi haruslah berikhtiar sedaya upaya untuk mengurangkan kepahitan dan kehidupan golongan orang-orang miskin terutama golongan luar bandar yang mempunyai satu atau dua ekar tanah yang dikatakan pekebun-pekebun kecil berpendapatan kadangkala tidak lebih daripada \$5 sehari iaitu untuk menanggung keluarga yang ramai yang tidak setanding dengan harga sekilo getah yang tidak dapat membeli sekilo gula.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada bahan-bahan utama negara kita iaitu getah yang mana sekarang harganya telah turun yang mengakibatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil di luar bandar maka hanya demikian sungguhpun negara kita terlibat dengan kemelesetan ekonomi dunia maka di sini saya berharap pihak Kerajaan akan dapat mencari jalan agar harga getah di negara kita ini dapat distabilkan bagi mengelakkan beban yang ditanggung oleh rakyat di luar bandar.

Di sini juga saya ingin bertanya kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian iaitu tentang harga gula, apa yang kita tahu harga gula di pasaran dunia telahpun turun tetapi harga gula di pasaran negara kita masih lagi tinggi iaitu sekarang \$1.40 sekilo.

Satu langkah yang boleh diambil ialah mencegah inflasi. Di negara kita mangsa yang paling kurang berdaya ialah rakyat yang berpendapatan rendah. Tenaga semua pihak mestilah digembelangkan untuk menentang eksploitasi setengah pihak yang tidak bertanggungjawab yang menaikkan harga barang-barang keperluan dengan sewenang-wenangnya. Ini akan menjamin nilai setiap sen yang dimiliki oleh setiap rakyat berpendapatan rendah. Dalam usaha

mencegah inflasi kita perlu membangunkan satu masyarakat pengguna-pengguna yang lebih insaf yang haknya dan berani untuk menuntut haknya sebagai pengguna. Gerakan pengguna yang kian pesat sekarang patutlah diberi dorongan yang wajar.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita bersungguh-sungguh hendak mengadakan satu sistem pentadbiran awam yang cekap, bersih dan amanah. Rakyat menyokong tindakan-tindakan yang telah dijalankan ke arah matlamat ini termasuk sistem perakam waktu yang sudah mula memperlibatkan kesan yang amat menggalakkan. Rakyat amat menghargai usaha Kerajaan kita untuk memperbaiki mutu perkhidmatan awam sekarang dan kita insaf akan batasan yang dihadapi oleh Kerajaan. Kita sedar akan pentingnya jabatan dan pejabat kita diuruskan oleh kakitangan yang rajin dan sanggup berkorban. Oleh itu kita menyokong gerakan pandang ke timur untuk mempelajari sifat-sifat bekerja yang diingini dari negara Jepun dan Korea Selatan tetapi masih terdapat sungutan-sungutan dan aduan yang disampaikan oleh rakyat terhadap setengah-setengah kakitangan awam yang memberi perkhidmatannya yang kurang memuaskan. Dalam hal penyampaian aduan rakyat, peranan aktif yang dimainkan oleh suratkhbar patutlah diberi penghargaan yang wajar. Adalah tidak wajar setengah jabatan atau pejabat memandang sepi peranan akhbar sebagai satu saluran bagi rakyat mengemukakan aduan dan perasaan tidak puas hati mereka terhadap mutu perkhidmatan setengah-setengah pihak. Sebenarnya pihak berkenaan patutlah menyiasat setiap aduan yang didapati berasaskan untuk memenuhi fungsi mereka sebagai hamba rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada bidang keselamatan negara. Saya suka menarik perhatian Kementerian Pertahanan betapa perlunya negara ini mempunyai dasar pertahanan negara, dengan izin, national defence policynya sendiri dengan menghadapi ancaman-ancaman musuh negara. Satu dasar pertahanan amatlah perlu lebih-lebih lagi memandangkan dewasa ini kita sedang

menghadapi ancaman bukan sahaja dari dalam tetapi juga dari luar. Dengan adanya satu dasar pertahanan maka patutlah dirangka dan dirancang strategi-strategi pertahanan negara dengan lebih teratur dan kemas yang mampu menghadapi apa-apa juga bentuk ancaman yang disebutkan tadi. Dalam mengubah dasar pertahanan negara pertimbangan ke atas corak ancaman dan keadaan ilmu alam negara ini mestilah diberikan pertimbangan yang serius. Tanpa pertimbangan yang sama berat ke atas kedua-dua aspek itu maka sebarang pertahanan negara yang akan digubal tidak akan mendatangkan hasil yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, perlulah kita ingat bahawa negara kita adalah sebuah negara maritime di mana lebihkurang 60% dari buminya di kelilingi laut. Lantaran itu sewajarnya kita mengutamakan pembesaran Angkatan Laut kita bagi menghadapi ancaman dari luar. Pengalaman kita di dalam Perang Dunia Kedua dan kedatangan pendatang-pendatang haram Vietnam di negara kita dua hingga tiga tahun yang lepas membuktikan hakikat betapa terdedahnya pantai-pantai kita dari pencabulan luar. Mereka ini bukan sahaja mendapat di pantai-pantai kita tetapi juga boleh memilih tempat-tempat di mana mereka suka. Memandangkan hal ini tidak dapat tidak perlulah kita membesarkan Angkatan Laut kita.

Di samping itu, pembesaran Angkatan Udara perlu juga dipergiatkan dengan pesat kerana peperangan moden di masa kini banyak diputuskan di ruang udara. Peperangan di Kepulauan Falklands dan Lebanon baru-baru ini menjelaskan lagi hakikat bahawa angkatan udara berkemampuan menimpakan kemalangan dan kerosakan nyawa, harta benda yang besar ke atasnya. Sehubungan dengan ini kekuatan Angkatan Darat perlu juga dipertimbangkan terutamanya dari segi mutu, tempoh dan latihan. Ini memandangkan ancaman dari Parti Komunis Malaya masih lagi wujud.

Dalam kita membicarakan tentang keperluan negara ini mempunyai satu dasar pertahanan negara adalah wajar bagi kita

untuk tidak melupai dan mengabaikan kebajikan anggota-anggota tentera kita terutama mereka yang cedera dan balu-balu serta anak-anak mereka yang terkorban kerana mempertahankan negara.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan tentera adalah satu masalah yang besar yang masih lagi dihadapi oleh anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita. Walaupun kebelakangan ini usaha-usaha untuk mendirikan rumah-rumah angkatan tentera kita telah dipertingkatkan namun usaha ini perlu digiatkan lagi selaras dengan pembesaran Angkatan Tentera kita yang sedang berjalan sekarang. Oleh itu peruntukan perumahan untuk anggota-anggota ini di dalam Rancangan Malaysia Keempat hendaklah ditambah lagi.

Kita sedih, Tuan Yang di-Pertua, melihat anggota-anggota tentera kita yang tinggal di tanah tanpa izin bagi mengelakkan membayar sewa rumah yang tinggi di Kuala Lumpur dan juga di pekan-pekan besar yang lain. Oleh itu saya menyeru Kementerian Pertahanan supaya menyelaraskan usaha ini dengan Kementerian Perumahan dan juga badan-badan berkanun Kerajaan khususnya Perbadanan Kemajuan Negeri dan juga swasta supaya rumah-rumah yang mereka dirikan dapat disewakan kepada anggota-anggota ini dengan kadar sewa yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, masalah persekolahan anak-anak tentera kita juga merupakan perkara utama. Mereka ini perlu diberi perhatian oleh Kementerian Pelajaran supaya diperbanyakkan lagi sekolah-sekolah berasrama penuh khasnya untuk anak-anak anggota tentera kita. Ini adalah penting bagi menjamin semua perbelanjaan mereka tidak terganggu memandangkan anak-anak ini selalu sangat berpindah dari satu tempat ke satu tempat kerana mengikut ibubapa mereka. Dengan kerapnya berlaku pertukaran ini menyebabkan anak-anak ini terganggu pelajarannya dan dengan itu tidak dapat

menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pelajaran mereka. Oleh itu, eloklah Kementerian Pelajaran membanyakkan lagi sekolah-sekolah berasrama penuh khasnya untuk anak-anak anggota tentera kita seperti yang terdapat di Kem Trendak, Melaka sekarang ini. Dengan adanya sekolah-sekolah yang sedemikian, anggota-anggota tentera kita tidak perlu bimbang tentang kebajikan persekolahan anak-anak mereka bila tiba masanya untuk berpindah.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan juga patut diberi kepada anak-anak anggota tentera bagi mendapatkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi sama ada di luar ataupun di dalam negeri. Ini sangat penting kerana kebanyakan anak-anak anggota tentera kita berada di peringkat secondary, bila ayah mereka bersara di mana saat-saat seperti inilah perbelanjaan sekolah untuk anak-anak biasanya meningkat sedangkan pada masa yang sama juga bapa-bapa mereka sudahpun bersara dan setengah-setengahnya sedang dalam proses untuk mendapatkan kerja. Dengan pemberian biasiswa anak-anak ini dapatlah mereka meneruskan pelajaran mereka sehingga ke peringkat yang tinggi dan ini merengankan tanggungjawab kepada ibubapa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan anggota-anggota tentera yang telah bersara dan anggota-anggota tentera yang cedera di dalam pertempuran dengan pengkhianat-pengkhianat negara. Bagi pesara-pesara tentera mereka mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan terutama sekali disektor swasta. Walaupun saya tahu pihak Kerajaan ada mengeluarkan arahan kepada kesemua agensi-agensi Kerajaan dan swasta untuk memberikan pertimbangan dalam pekerjaan di tempat mereka, namun apa yang berlaku sekarang adalah 'indah khabar dari rupa' sahaja. Kebanyakan mereka kalau diberi pekerjaan pun ialah pekerjaan-pekerjaan seperti jaga dan driver, walaupun setengah-setengah mereka ini mempunyai kelulusan yang tinggi daripada pekerjaan yang saya

sebutkan tadi. Oleh itu, perlulah Kerajaan menekankan pentingnya perkara ini diberi keutamaan kepada pihak swasta dan agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan anggota tentera kita yang cacat, saya sukalah mengesyorkan kepada Kementerian Pertahanan supaya mereka yang cacat itu diberi pekerjaan dengan cara Kementerian bekerjasama dengan agensi-agensi lain untuk mendirikan firma seperti menjahit baju-baju anggota tentera yang mana selama ini diupah kepada pihak-pihak swasta. Dengan cara mendirikan firma ini dapatlah kita menggunakan tenaga tentera kita yang cacat dapat mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang jahit-menjahit dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya ingin menyentuh sedikit hal ehwal Wilayah Persekutuan. Sungguhpun Struktur Pelan Induk Kuala Lumpur telah diatur dan disusun sebegitu rupa untuk melaksanakan peringkat demi peringkat tetapi masalah yang dialami oleh sebilangan rakyat terutamanya rumah tempat kediaman yang sangat-sangat diperlukan harus dapat keutamaan. Pihak Dewan Bandaraya hendaklah mengubahsuaikan ruangan bilik rumah-rumah pangsa yang ada didirikan nanti tidak seperti yang telah sudah-sudah, rumah-rumah pangsa yang mengandungi satu dua bilik tidur sahaja. Saya berharap di masa yang akan datang semua rumah-rumah pangsa yang didirikan hendaklah mengandungi dua atau tiga bilik tidur. Ini adalah untuk jangka panjang untuk penghuni-penghuni yang akan menduduki apabila keluarga mereka telah bertambah dan membesar tidak perlu lagi mencari rumah yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur memang banyak untuk dipersoalkan dan untuk membaiki, umpamanya banjir yang sehingga ke hari ini pihak-pihak yang berkenaan belum dapat diatasi. Maka dalam masalah ini saya menyeru kepada pihak-pihak

yang berkenaan agar mencari jalan bagi mengurangkan sedikit penderitaan rakyat, lebih-lebih lagi mereka yang menduduki kawasan-kawasan lembah yang sentiasa dalam bahaya dan samping itu mengelakkan daripada harta benda musnah begitu juga dan ada kalanya mengorbankan nyawa, yang lebih menyedihkan lagi ialah mereka ini duduk di tanah-tanah tanpa izin. Begitu juga jalan-jalanraya yang selalu ditenggelami oleh air melibatkan kenderaan tersadai berjam-jam lamanya. Soal lalulintas di Kuala Lumpur ini juga perlu diperbaiki buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal peluang perniagaan kepada kaum bumiputera juga harus dipersoalkan agar mereka ini dapat bersaing dengan peniaga yang telah lebih maju dengan memberi tempat yang sesuai dan berkemampuan oleh mereka untuk menyewa atau membelinya, tidak seperti sekarang ini sungguhpun ada pihak-pihak swasta yang peruntukan kuota bagi bumiputera ruangan berniaga di tempat-tempat tetapi harganya terlalu tinggi dan akhirnya peluang ini hilang begitu sahaja. Di sini saya berseru kepada pihak Dewan Bandaraya atau Kementerian Wilayah Persekutuan agar menubuhkan satu unit khas untuk membeli semua kuota yang dikhaskan kepada Bumiputra yang tidak dapat dibeli sama ada perseorangan atau dari pihak syarikat. Pihak unit khas ini membeli dahulu sementara menunggu pembelian daripada kaum bumiputra dan sehingga itu juga boleh disewakan terlebih dahulu kepada kaum-kaum yang lain asalkan bangunan ini kekal untuk kaum bumiputra di masa yang akan datang.

Lagi satu yang harus pihak Kementerian mengambil perhatian agar menubuhkan Perbadanan Kemajuan Wilayah Persekutuan seperti negeri-negeri yang menubuhkan Perbadanan Kemajuan Negeri umpamanya Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan seterusnya. Perbadanan ini diusahakan untuk pentadbiran seperti membeli tanah-tanah, mendirikan perumahan, mendirikan tempat-tempat perniagaan sebagaimana yang dibuat oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri kita. Wilayah Persekutuan kita ini tidak boleh bergantung kepada UDA sahaja

kerana dasar UDA ialah berniaga dan mencari keuntungan yang mana jarang-jarang diperolehi oleh kaum bumiputra selama ini. Begitu juga kaum-kaum lain yang tidak berkemampuan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya marilah kita sebagai Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia ini menyambut seruan Baginda supaya kita sentiasa ingat akan tugas kita dan menggunakan dengan sepenuhnya perbincangan dalam Dewan yang mulia ini untuk mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah-masalah rakyat demi kepentingan rakyat dan negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

4.37 ptg.

Tuan Kenneth Kanyan anak Temenggong

Koh: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Haji Abu Samah untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan yang mulia ini untuk mempersembahkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong di atas penghormatan yang diberi oleh Baginda Tuanku berdua yang telah sudi mencemar Duli hadir di upacara pembukaan bersama sidang Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Saya ingin juga mempersembahkan terima kasih yang tidak terhingga terhadap Baginda Tuanku di atas Titah Ucapan Baginda Tuanku kepada Dewan yang mulia ini. Rakyat Baginda sangatlah berterima kasih kepada Baginda Tuanku atas kata-kata nasihat yang diberi ketika kita sedang menghadapi transformasi sosial yang menjadi dasar Kerajaan Barisan Nasional.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk ikut serta mengalu-alukan seruan supaya sokongan yang penuh diberi kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan dinamik Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam dalam proses transformasi sosial ini menerusi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Pembangunan Negara sekarang.

Berucap bagi pihak rakan-rakan saya dari Sarawak, saya berani mengatakan tanpa gentar ditentangi bahawa bagi kita di Sarawak dan saudara kita di Semenanjung dan Sabah, memang tidak ada pilihan lain selain dari Malaysia. Kita telah memelihara bayi ini dengan cukup baik sejak kelahirannya, kadangkalanya menghadapi berbagai kesulitan, sehingga ianya menjadi orang dewasa yang sihat. Negara kita Malaysia sekarang sudah hampir 20 tahun usianya. Oleh sebab itu kita perlu menjaga dan melindungi supaya ia harus kekal dan subur selama-lamanya. Kita tetap berusaha untuk menghapuskan sesiapa pun, di dalam ataupun di luar negeri, yang ingin hendak memusnahkan apa yang kita telah bina setelah kita berjuang, berkorban, berusaha dan mengatasi segala dugaan.

Oleh yang demikian saya memberi sokongan yang penuh terhadap tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan menerusi Akta Keselamatan Dalam Negeri dan tindakan-tindakan yang lain untuk menjaga dan mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara kita yang kita cintai dari anasir-anasir yang tidak diingini.

Walau bagaimanapun, Kerajaan harus mengakui bahawa rakyat tidak mengira bangsa, keturunan dan agama harus diberi peranan yang bermakna dalam segala aktiviti supaya dapat memberi sumbangan yang berkesan kepada negara Malaysia yang aman, makmur dan gemilang ini.

Saya berpendapat bahawa teras untuk wujudnya masa depan negara kita adalah bergantung di atas adanya percaya mempercayai di antara kita rakyat Malaysia

dari berbilang keturunan. Yang juga sama penting ialah kesediaan kita untuk mengamalkan sikap tolak ansur dalam proses membangun negara. Inilah daya melenting yang paling besar yang ada pada kita yang telah menjadi benteng dalam usaha melawan segala usaha untuk memusnahkan keamanan dan kemakmuran kita.

Sudah ternampak sekarang bahawa perubahan ekonomi yang sedang berlaku dalam negara kita mempunyai kesan bukan hanya terhadap negara yang kita cintai tetapi juga kepada individu. Ternampak juga bahawa perubahan ini sedang membawa kita kepada objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru dan juga ke arah pembahagian rata kekayaan negara dalam usaha untuk membasmiikan perbezaan ekonomi di antara negeri-negeri di dalam Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli yang berasal dari sebuah negeri yang pesat membangun iaitu Sarawak, dengan penuh hormat tanpa menaruh kekhawatiran terhadap perbandingan yang saya katakan di sini, sekiranya sumber asli yang begitu banyak di Sarawak diusahakan dengan sebaik-baiknya, sumbangannya terhadap hasil negara mungkin lebih di luar dugaan. Sebagai contoh, minyak di Sarawak memberi sumbangan yang besar kepada hasil negara, eksport balak Sarawak dalam berbagai bentuk turut membantu meringankan kekurangan. Pengusahaan arang batu dan lain-lain galian yang dipertaruhkan harapan akan menambahkan lagi hasil sumbangan tambahan ekonomi dari Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, saya anggap adalah saksama bagi saya untuk mengambil perhatian Kerajaan Persekutuan bahawa rakyat Sarawak mengharapkan satu pembahagian yang berpatutan yang sejajar dengan hasil dari pendapatan tersebut dibahagikan kembali ke Sarawak untuk tujuan pembangunan.

Pembahagian peruntukan yang ada sekarang untuk Sarawak dari hasil minyak dan gas adalah saya anggapkan di bawah had berpatutan. Semasa kita melalui proses integrasi nasional adalah amat penting

bahawa kita tidak mahu menimbulkan perasaan rakyat Sarawak yang mereka hanya menikmati sebahagian kecil sahaja hasil dari pembangunan hasil asli.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pengusahaan sumber asli di Sarawak, saya sedar salah satu dari cabaran yang begitu besar ialah mengenai tenaga manusia yang amat terhad. Dengan adanya semangat kesungguhan di Sarawak dewasa ini disertai dengan keutuhan perpaduan politik, saya yakin akan terbentuknya satu kemantapan politik di Sarawak untuk melaksanakan perubahan ke tahap yang lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk khasnya tentang perlunya untuk membawa tenaga manusia dari luar Sarawak. Sekatan perjalanan dan pekerjaan akan dapat dilonggarkan atau tidak beberapa lama lagi akan dapat dimansuhkan bersama. Saya dapat menjangkakan bahawa dengan adanya kemestian demikian serta lain-lain faktor, keperluan bagi mana-mana dokumen perjalanan antara Sarawak dan lain-lain negeri di negara ini akan dapat dihapuskan menjelang beberapa tahun lagi.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi ingatan dalam usaha kita untuk mencapai integrasi nasional proses tersebut patut dibiarkan bergerak sendiri. Saya rasa khawatir sekiranya kita menggerakkannya dengan secepat mungkin, kita mungkin menimbulkan satu kesan negatif yang mungkin tidak memberi apa kepentingan negara atau kepentingan kita dalam masa jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan pendapat saya. Penggantian dari seorang Presiden kepada seorang Presiden di negara Amerika Syarikat beberapa dekat yang lalu atau sekarang telah menjalankan tugas ke arah mengagihkan kuasa berpusat. Aliran demikian hasil dari kesedaran bahawa sekiranya terlalu banyak kuasa ditumpukan di pusat, ia akan menyebabkan usaha pembangunan di peringkat negeri, dalam masa jangka panjangnya akan menghalang dengan seriusnya perhubungan negeri-negeri

Persekutuan. Ini adalah kerana kalau terlalu mengharap di Pusat ke atas keputusan yang dibuatkan dalam proses pembangunan akan menimbulkan kesan yang paling buruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru Kerajaan Persekutuan supaya mengambil ingatan seperti demikian tatkala hendak menukarkan kuasa dalam apa-apa juga bidang untuk kepentingan negara dalam masa jangka panjangnya. Dasar kejayaan satu Persekutuan, bagi pendapat saya ialah pembahagian kuasa antara negeri dan Pusat mengenai kepentingan isu negara. Ini adalah perkara pokok dan sangat perlu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh secara ringkas mengenai pelajaran di Sarawak. Sarawak, meskipun terlewat, namun begitu adalah selari dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Mulai bulan Januari tahun depan pencapaian Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar akan memasuki Tingkatan Satu. Kejayaan yang tercapai setakat ini seperti dijelaskan pada pendapat saya, adalah atas hasrat dan keazaman rakyat Sarawak walaupun menghadapi berbagai halangan, khususnya di peringkat permulaan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua yang berkenaan atas keazaman mereka. Kejayaan kita dapat menggagalkan dakwaan setengah golongan yang tidak diingini yang mendakwa usaha ke arah melaksanakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar mengalami keputusan yang kurang memuaskan kerana kekurangan guru dan lain-lain perkara. Keputusan-keputusan yang telah ada memberi gambaran yang bertentangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya ingin mencadangkan bahawa dalam usaha kita mempelajari dan mendidik kegunaan Bahasa Malaysia, tidaklah patut kita mengeneipkan kepentingan Bahasa Malaysia dan bahasa ibunda kita sendiri. Dalam pendapat saya sesuatu bahasa sedikit sebanyak dapat memupuk persefahaman di antara kita. Berlawanan dengan dasar di negara jiran kita, saya berpendapat cara menghapuskan loghat sesuatu kaum untuk mewujudkan satu bahasa, misalnya, Mandarin adalah salah. Bagi pendapat umum

harmoni harus wujud dari rumah dan tanpa pengertian yang dapat disumbangkan oleh bahasa umum, mungkin persefahaman dan juga harmoni tidak dapat wujud. Sekumpulan rakan-rakan kita mungkin berpendapat langkah demikian juga dapat digunakan terhadap negara amnya dan akhirnya dunia. Oleh itu, usaha yang gigih perlu dijalankan dalam perkembangan ilmu pengetahuan mengikut dasar pelajaran kebangsaan dan juga pengajaran bahasa Inggeris dan bahasa ibunda.

Saya rasa agak risau dengan langkah berjimat-cermat Kerajaan Pusat yang telah menjejaskan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di Sarawak. Adalah menjadi kewajipan pihak Kerajaan untuk menjelaskan sama ada dasar baru telah diikuti untuk mengurangkan jenis dan jumlah ubat di dispensari-dispensari di seluruh negeri yang juga menghendaki rakyat, yang kaya dan miskin supaya mendapat ubat yang tidak didapati di klinik Kerajaan dari klinik-klinik persendirian dengan harga yang lebih tinggi. Selain dari itu bayaran juga telah dikenakan bagi beberapa bentuk perubatan.

Saya berharap supaya pihak Kerajaan tidak bertolak ansur tentang perihal kesihatan rakyat. Langkah berjimat-cermat sepatutnya tidak melibatkan bidang perubatan. Saya rasa perbelanjaan bagi perayaan-perayaan patutlah dikurangkan dan wang digunakan untuk perkhidmatan perubatan dan kesihatan di Sarawak.

Sebelum, saya duduk, inginlah saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi kesempatan ini kepada saya untuk mengemukakan pandangan saya semasa menyokong usul menjunjung kasih Titah Di Raja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Haji Abu Samah bahawa masalah di hadapan Majlis sekarang ialah, Bahawa satu Ucapan yang tidak sepertinya

dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen yang Keenam”;

dan sekarang saya kemukakan untuk dibahas.

Sebelum itu saya juga ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap supaya menghantarkan nama-nama mereka supaya masa dapat disusun, kemudian saya akan memanggil bergilir-gilir Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap atas Usul yang ada di hadapan kita. Maka dengan itu, saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Othman Abdullah berucap.

4.47 ptg.

Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya syukur ke khadrat Allah s.w.t. oleh kerana pada petang ini di Dewan yang mulia ini membahaskan usul yang telah disampaikan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Haji Abu Samah menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Baginda dalam pembukaan Parlimen Penggal Pertama Parlimen Keenam baru-baru ini.

Syukur kita kepada Allah s.w.t. oleh kerana dengan kita tidak sedar kita telah berada 25 tahun, suku abad di dalam sebuah negara yang merdeka, berdaulat, mempunyai Perlembagaan sendiri, mempunyai kawasan dan keluasan negara sendiri, mempunyai keperibadian sendiri, mempunyai hak-hak dan keutamaan sendiri sejajar dengan bangsa-bangsa yang merdeka dan berdaulat di dunia ini.

Mungkin anak-anak yang berumur 25 tahun sekarang, atau mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat atau Dewan Negara yang berumur 25 tahun sekarang. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Menteri-menteri atau Setiausaha Parlimen atau Setiausaha Politik yang berumur 25 tahun sekarang, pada masa kita melaung-laungkan kemerdekaan, berjalan kaki masuk hutan keluar hutan, berjuang menegakkan negara ini menghalau penjajah di samping menghadapi keganasan komunis, mereka Ahli-ahli Yang Berhormat itu masih di dalam kandungan ibu mereka. Hari ini berkat daripada usaha gigih daripada orang-orang tua, ahli-ahli politik, ada di antara mereka yang telah pergi ke-rahmatullah, ada di antara mereka yang telah tua, ada di antara mereka yang masih hidup tetapi sudah tidak dikenal orang, ada di antara mereka yang bekas-bekas Menteri yang sedang berjalan di kaki lima kerana mereka tidak dikenali lagi, ada di antara mereka yang barangkali tinggal di rumah usang dan mungkin ada di antara mereka yang tinggal di rumah yang agak baik, mereka itulah yang telah berjasa kepada negara ini sehingga kita senang duduk di Dewan yang sejuk dan nyaman sekarang.

Anak-anak kita senang menuntut di sekolah perguruan tinggi yang sampai hari ini ada 5 buah banyaknya, beribu-ribu mahasiswa mudik ke hulu ke hilir dengan mengutip kitab-kitab, buku-buku hasil itu semua adalah daripada perjuangan orang tuanya yang tidak mempunyai kelulusan akademik yang tinggi yang berjela-jela, tetapi kita syukur kepada Tuhan seperti mana juga Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memberikan Titah Ucapan yang telah disampaikan kepada kita di dalam Dewan Parlimen.

Baginda bertitah, saya baca:

“Kita baru sahaja selesai merayakan ulang tahun kemerdekaan yang ke 25 dalam tempoh suku abad ini, kita telah sampai kepada satu tahap pencapaian yang boleh dibanggakan. Kita telah berjaya meletakkan asas kukuh ke arah melahirkan satu warga, satu bahasa dan

satu budaya. Atas asas inilah kita membina satu negara Malaysia yang lebih gemilang.”

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengingati apa yang telah dilalui oleh sejarah negara ini, 25 tahun lamanya kita berjuang kadang-kadang di dalam tempoh 25 tahun itu kita menghadapi keadaan-keadaan yang cemas, sebab pada masa-masa permulaan kita mencapai kemerdekaan seakan-akan kita mempunyai ataupun seperti orang tua-tua kita kata seperti “sikudung dapat cincin”. Maksudnya kita mahukan kepada sesuatu perubahan yang cepat sehingga ada di antara kita, di antara golongan-golongan kita, di antara parti-parti politik waktu itu yang agak extremist fahamannya, yang agak membayangkan fikiran ke kiri, yang agak memandang bahawa perjalanan atau sikap yang dijalankan oleh Kerajaan Perikatan waktu itu merupakan satu dasar Kerajaan yang sangat konservatif, yang sangat slow, sangat perlahan perjalanannya, mereka mahu laju, mahu cepat, maka di dalam perjalanan ini timbul clash, timbul perlawanan, timbul persalihan fahaman di antara satu dengan lain, di antara satu parti dengan parti yang lain sehingga pada satu-satu waktu kita rasa cemas dengan keadaan itu dan kemuncak daripada kecemasan ini ialah pada bulan Mei tahun 1969 di mana telah menjadikan titik-titik hitam di dalam sejarah kita, di dalam tempoh 25 tahun yang sampai pada saat ini. Titik-titik hitam ini akan menjadi ingatan kepada kita semua bahawa sesiapa pun juga di antara kita sama ada yang masih sanggup berpolitik, atau yang sedang cuba-cuba main politik atau mengasah watak di dalam berpolitik, kalau ada di antara mereka ini tidak dapat menahan perasaan keegoan (egoism), tidak dapat menahan perasaan sentimennya, maka akan bangun dan bangkit lagi perasaan perkauman yang sangat berbahaya, yang pernah mencatat sejarah hitam di negara kita pada tahun 1969. Oleh kerana itu ini adalah menjadi ingatan kepada generasi kita yang akan datang supaya jangan mereka mengulangi, jangan mereka ulangi peristiwa-peristiwa yang seperti ini yang akibatnya akan meruntuhkan negara dan keperibadian bangsa kita sebagai bangsa yang merdeka ini.

Kita syukur kata saya tadi, walaupun kita telah mencapai umur 25 tahun, tetapi di dalam tempoh 25 tahun ini kita telah melalui berbagai-bagai cubaan, halangan dan rintangan, tetapi walau bagaimanapun di dalam setiap pemilihan pilihanraya, baik pilihanraya bulan April yang lalu dalam tahun ini ataupun dalam pilihanraya-pilihanraya 5 tahun sekali, rakyat masih dapat memberikan kepercayaan kepada parti yang berkuasa, parti Barisan Nasional masih dapat memberikan kepercayaan kepada Perikatan yang sekarang ini dinamakan Barisan Nasional ialah seperti yang telah disebutkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu sikap kesederhanaan, sikap fikiran yang tidak terlalu agresif di dalam mengemukakan pendapat-pendapat serta yang diulangi oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda itu bertitah ialah satu kesan besar dari pilihanraya lalu ialah bahawa rakyat Malaysia, baik dari generasi tua, mahupun muda sama-sama telah menyingkirkan rasa perkauman yang dahulunya sering dijadikan asas pemilihan, jelaslah pemikiran rakyat kita telah bertambah matang dan rasional. Jadi Seri Paduka Baginda dapat mengingatkan kepada kita bahawa setiap kali pilihanraya dahulunya, maka yang menjadi perhitungan politik ialah fahaman-fahaman yang sempit, fahaman-fahaman perkauman, fahaman-fahaman yang menimbulkan rasa benci di antara satu golongan dengan satu golongan yang lain, sama ada berdasarkan kepada keturunan ataupun berdasarkan di atas keugamaan orang itu, ini asas pemilihan, Titah Duli Yang Maha Mulia, dan ini tidak dapat kita nafikan ada dan benarnya berlaku, pernah di dalam pemilihan pilihanraya umum yang lalu bahawa orang yang tidak memilih Cina, dia bukan Cina, orang yang tidak memilih Melayu dia bukan Melayu, orang yang tidak memilih Islam dia bukan Islam, orang yang tidak memilih Christian dia bukan Christian oleh pihak-pihak yang tertentu.

Kalau saya sebagai seorang Melayu saya akan berkata dan kalau saya jadi calon, saya akan berkata siapa tidak memilih Melayu dia bukan Melayu dan kalau saya sebagai seorang

Islam, saya akan berkata kalau tidak memilih Islam dia bukan Islam dan kalau seorang itu seorang Christian dia akan berkata, kalau tidak memilih seorang yang beragama Christian dia bukan Christian. Inilah asas pemilihan yang diingatkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam ucapannya yang sekarang kian beransur hilang, ingatan ini oleh Baginda mengingatkan kepada kita, generasi yang akan datang supaya mengulangi peristiwa yang keruh seperti ini, jangan diulang lagi, sebagai seorang Islam siapa yang tidak memilih saya sebagai Islam bukan Islam, kalau tidak memilih saya sebagai orang Melayu bukan Melayu, ini sudah lepas zamannya, maka bersyukurlah kita kepada Allah s.w.t. oleh kerana Rang Undang-undang Pindaan Akta Pertubuhan telah ditarik balik oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, pada hari kelmarin di Dewan Rakyat yang tidak akan dibahaskan, tetapi akan dikemukakan satu peraturan atau undang-undang baru mengenai dengan pertubuhan-pertubuhan.

Terbaca saya di dalam suratkhbar bahawa di dalam pindaan-pindaan itu yang kalau dibahaskan yang sekarang telah ditarik dan saya ingin mengingatkan Kerajaan supaya jangan menimbulkan contoh-contoh di dalam mengemukakan alasan-alasan. Saya baca dalam suratkhbar contoh yang boleh orang itu salah, misalnya kalau sekiranya seorang itu menuduh tidak memilih saya sebagai Islam, dia tidak Islam maka ini salah dalam undang-undang peraturan-peraturan itu dan kalau ini digubal pada masa yang akan datang patut dihalusi dan ditinting implikasinya jangan sampai ada sesuatu contoh-contoh yang bertentangan dengan asas-asas hukum-hukum Islam. Seperti apa kata Kerajaan kalau sekiranya bertentangan pendapat kita itu dengan pendapat Al-Quran, misalnya, maka kita tidak boleh sama sekali bertentangan dengan pendapat Al-Quran, dan contoh-contoh kita tidak kita buat kesan.

Oleh kerana itu saya menarik perhatian Kerajaan atau Menteri yang berkenaan kalau hendak membuat peraturan-peraturan ini pada masa yang ke hadapan kerana hendak

menjaga jangan timbul perasaan perkauman ini pada masa yang akan datang di dalam pemilihan-pemilihan supaya bercermat menggunakan kalimat-kalimat dan peraturan-peraturan kerana agama, bangsa, kaum adalah suatu yang sangat sensitif yang mudah terbakar seperti belerang, seperti mensiu, seperti peluru yang sedikit sahaja kena dia akan meletup dan meledak. Sebab itu saya harap kalimat-kalimat ini perbuatan-perbuatan tafsiran undang-undang ini hendaklah dijaga dengan sebaik-baiknya oleh pembuat undang-undang supaya tidak disalah ertikan oleh mereka yang memang tidak faham dalam soal yang berkaitan.

Maka saya mencadangkan supaya Kerajaan memikirkan ini dengan semasak-masaknya, terutama sekali mengenai hal yang berkaitan dengan cadangan dan rancangan Kerajaan setelah pilihanraya umum April, 1982 ini. Di dalam pemilihan umum bulan April, 1982 ini di mana telah terbentuk sebuah Kerajaan yang dipimpin oleh seorang Perdana Menteri yang begitu mempunyai kedudukan dan kekuatan rohaniah, kekuatan jiwanya di dalam mengembeling bangsa, agama, negara ini dan satu bentuk masyarakat yang lebih progresif di masa yang akan datang. Maka di samping itu saya dapat meninjau bahawa beliau seringkali, malahan bukan sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi Menteri-menteri pernah menimbulkan seakan-akan sesuatu benda yang baru yang kita dengar, iaitu hendak menyerapkan Islam sebagai cara hidup umat dan rakyat di Malaysia ini. Hendak menyerapkan Islam dan undang-undang Islam di dalam masyarakat Malaysia kalau kita ulang-ulang ini seakan-akan benda ini benda baru tetapi sebenarnya benda ini bukanlah benda baru. Sewaktu kita meletakkan asas Islam sebagai ugama rasmi negara sebelum kita mencapai kemerdekaan sudah ada dalam kepala pemimpim-pemimpin kita yang tua-tua yang sudah meninggal dunia suatu cadangan bagaimana hendak melaksanakan Islam sebagai ugama rasmi negara berperingkat demi berperingkat, tetapi alhamdulillah kerana kekuatan ada, tenaga ada maka sesudah pilihanraya umum 1982 ini Perdana Menteri kita dan Menteri-menteri di Jabatan Perdana Menteri nampak

mempunyai seperti semacam satu barisan yang bersungguh-sungguh untuk hendak menyerapkan Islam sebagai agama, sebagai peraturan dan perundangan dalam negara kita dan ini adalah suatu hal yang kita berikan sokongan dan dokongan yang sebulat-bulatnya yang tidak ada dipersoalkan, diberikan sokongan yang sebulat-bulatnya. Soalnya sekarang ialah bagaimana hendak menjiwai itu, bagaimana hendak melaksanakan itu, bagaimana hendak menjalankan cita-cita itu di dalam suatu masyarakat majmuk sebagai negara kita ini, di dalam satu masyarakat di mana terdapat unsur-unsur yang berlainan, bagaimana kita hendak meletakkan suatu asas yang lebih kukuh seperti yang disebutkan oleh Menteri-menteri kita di dalam satu wajah di mana di dalamnya masih bercanggah di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian kepada apa yang disampaikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam ucapan Baginda, saya bacakan: "Kekuatan sesebuah negara itu tidak hanya bergantung kepada kekayaan material semata-mata" Ini keyakinan Baginda. "Negara yang mengukur kejayaannya dengan nilai kebendaan adalah sebuah negara yang tidak berjiwa. Adalah menjadi hasrat kita membentuk sebuah negara yang gemilang, sebuah negara yang bermaruah, yang duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain di dunia. Usaha ke arah ini memerlukan pengembelian tenaga antara ulamak dan umarak, dalam suasana musyawarah dan usrah". Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menekan kalimat "ulamak" dan "umarak" serta "musyawarah" dan "usrah" di dalam Titah Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Titah Baginda ini, pada pandangan saya, ringkas, pendek tetapi mempunyai erti dan kesan yang terlalu besar mempunyai pengertian dan fahaman yang terlalu tinggi, mempunyai huraian yang terlalu panjang. Baginda sendiri menitikberatkan, kekayaan material semata-mata tidak harus sebuah negara itu bergantung kepada itu sahaja tidak harus. Ertinya kalau sekiranya kita mempunyai kekuatan ekonomi, sekarang di Trengganu di tempat Yang Berhormat saudara saya

keluarlah 'emas', keluarlah minyak berjuta-juta ringgit misalnya sehari, kalau itu yang menjadi nilai bagi sebuah negara, Titah Duli Yang Maha Mulia itu tidak negara yang stabil, itu tidak negara yang kukuh, yang kuat. Tetapi negara yang kuat, Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda adalah menjadi hasrat kita membentuk sebuah negara yang gemilang, sebuah negara yang bermaruah, yang duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan negara-negara yang lain dan usaha ke arah ini memerlukan pengembelian tenaga antara ulamak dengan umarak. Bila kita sampai kepada memperkatakan masalah ulamak dan umarak maka kita meminta penjelasan. Kita harus meminta penjelasan daripada Kerajaan apakah erti ulamak yang difahamkan oleh Kerajaan kita; dan apakah erti umarak yang difahamkan oleh Kerajaan kita sekarang, yang harus kedua-dua ulamak dan umarak ini mempunyai tangan yang berganding di antara satu dengan lain.

Saya minta penerangan dan penjelasan daripada Kerajaan, terutamanya daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri menghuraikan masalah ulamak dan menghuraikan masalah umarak yang memerlukan pengembelian tenaga yang disebutkan tadi. Manakala huraian ini ada, apakah yang dinamakan ulamak, ulamak yang macam mana, jangan sampai digunakan oleh parti-parti politik bahawa ulamak ini mengikut istilah mereka macam-macam: asal pandai sedikit—ulamak; asal pakai serban sedikit—ulamak; asal panggil imam sedikit—ustaz; asal boleh jadi imam sedikit—pak syekh. Jadi apakah ertinya ulamak ini yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya ikatan yang kuat dengan umarak.

Sebagaimana yang kita tahu sekarang ini ada suatu trend yang kurang menyenangkan dan tidak begitu sedap kita dengar di dalam arena politik di saat-saat yang terakhir ini di mana seakan-akan hendak mengimport suatu sistem pemerintahan yang dikatakan oleh orang sebagai Revolusi Islam, seakan-akan begitu. Apakah sikap Kerajaan terhadap sebuah Kerajaan yang telah mengatakan bahawa kami sebuah negara Republik

Revolusi Islam. Apakah sikap Kerajaan terhadap negara itu. Ini harus dijelaskan. Republik Revolusi Islam atau ada sebuah negara Islam yang dahulunya tidak disebutkan Islam, sekarang disebutkan Islam—Negara Republik Islam dan disebutkan nama negara itu dihujung. Apakah sikap Kerajaan kita terhadap nama ini dan sikap Kerajaan yang menyebutkan itu di dalam perlaksanaannya. Apakah sikap kita? Kita hendaklah menetapkan pendirian Kerajaan kita, kita iktiraf revolusi mereka itu atau tidak. Kalau kita iktiraf revolusi mereka itu, adakah revolusi mereka itu mempunyai aliran yang secocok dan sesuai dengan aliran Islam yang hendak dimasukkan oleh pemimpin ini ke dalam negara kita? Pemimpin ini maksudnya ialah Perdana Menteri kita sebab Perdana Menteri kitapun hendak mengislamisasikan negara kita ini melalui beberapa media sedangkan negara luar telah menyatakan kami ialah negara Republik Revolusi Islam. Kalau macam itu bagaimanakah pandangan kita terhadap negara ini dan kalau perbezaannya berlainan tentulah konsepnya berlainan. Apakah perbezaannya, adakah pendirian kita sebagai orang Islam sama dengan pendirian Islam yang dikatakan Revolusi Islam itu? Sebab kalau saya tidak salah negara itu mempunyai Mazhab Syiah dan Mazhab kita ialah Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah. Adakah mazhab Syiah diiktiraf oleh negara kita sebagai suatu mazhab di mana kita boleh membawa keyakinannya masuk ke sini dan dicap sebagai Revolusi Islam? Kalau tidak kita tidak boleh membenarkan sesiapa pun yang mengimport barang-barang ini dari sumbernya yang kemudian dicap sebagai Revolusi Islam. Ini mencemarkan nama Islam.

Itulah sebabnya maka Titah Ucapan Seri Paduka Baginda bagi saya sangat besar implikasinya, sangat besar erti dan tujuannya supaya dapat difahami bukan sahaja oleh kita di dalam Dewan yang mulia ini tetapi juga oleh Kerajaan dan oleh rakyat. Maka oleh kerana itu saya meminta penjelasan supaya rakyat Malaysia tahu, sebab ada trend di dalam parti politik sekarang ini yang hendak menjadikan ulamak itu sebagai orang yang berkuasa dan kuasanya ialah absolute. Jadi

kalau sekiranya kuasanya absolute di dalam suatu pemerintahan maka akan hilanglah beberapa hukum di dalam Islam yang mengatakan: Urusan kamu harus dijalankan dengan melalui musyawarah. Maka musyawarah itu akan sendirinya terhapus kalau ulamak itu mempunyai kuasa yang absolute (mutlak) di dalam pemerintah.

Jadi oleh kerana itu saya tidak berani hendak membuat ataupun hendak menghujah benda ini sampai ke akarnya oleh kerana mungkin agaknya pendirian Kerajaan berlainan dengan fahaman saya. Maka saya minta Kerajaan menjelaskan apakah tiap-tiap yang berbentuk Islam di luar negeri itu sudah boleh dianggap Islam, sehingga pada suatu masa Qadiani pun ialah Islam dan orang-orang yang menyebarkan Islam di Amerika ialah orang yang bermazhab Qadiani, tetapi akhir sekali di Pakistan atau India tempat tumbuhnya Qadiani itu mengharamkan Qadiani dan menyatakan Qadiani itu bukan Islam setelah beberapa banyak orang terkeliru dengan fahaman Qadiani. Begitu juga dengan Revolusi Islam, dengan fahaman Syiah. Setiap yang berkata Islam itu adalah Islam dan di Malaysia ini orang Melayu Islam, itu Islam; serupa macam itu sehingga kita confused mengatakan apa yang berlaku di sana itu Islam, inilah Islam. Maka kita perlu meminta penjelasan daripada Kerajaan apakah bentuk, apakah sikap kita terhadap Mazhab Syiah yang mengelolai dan mengetuai sebuah Kerajaan revolusi. Kita mngetahui di dalam Perlembagaan tiap-tiap buah negeri dalam negara kita mengatakan bahawa Islam ialah ugama rasmi negara dan Mazhabnya ialah Mazhab Shafie, kecuali negeri Perlis yang mengatakan mazhab tidak pakai, dia Ahli Sunnah Waljamaah selain daripada itu semua mazhab Shafie. Mazhab Shafie bukan mazhab Syiah. Sekarang kita hendak membawa satu fahaman daripada satu negara yang fahamannya Syiah. Ataupun ulamak-ulamak Syiah ini yang dimaksudkan di dalam Titah Ucapan ini antara ulamak dan umarak? Adakah ulamak yang dimaksudkan ini ulamak ahli sunnah wal jumaah? Apakah sikap ulamak-ulamak kita? Baru-baru ini kita dengar ada muktamar ulamak-ulamak.

Saya sukalah mencadangkan supaya ulamak-ulamak kita ini mengadakan perbincangan tiap-tiap tahun, adakan muktamar ulamak-ulamak tiap-tiap tahun, adakan perbincangan-perbincangan semasa yang berkaitan dengan masyarakat Islam dan negara di dalam negara kita ini. Jangan sudah terantuk kepala ke batu, baru kita hendak membuat satu muktamar, kerana sesuatu isu yang kita tidak dapat melepaskan diri. Cuba diadakan satu muktamar yang tetap, perhimpunan yang tetap tiap-tiap tahun, adakan perjumpaan ulamak-ulamak dan beri takrif, apa makna ulamak itu dan kemudian bolehlah mengadakan kerjasama di antara ulamak-ulamak ini kongres ulamak atau muktamar ulamak, atau muktamar ulamak, atau apakah juga dinamakan dengan umarak.

Apa makna umarak di sini? Kalau saya tidak salah makna umarak di sini ialah Raja-raja Pemerintah. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda mahukan ikatan yang erat, hubungan yang kental, yang erat di antara umarak dan ulamak, tentulah maksudnya ulamak-ulamak yang memimpin negara ini dari mazhab ahli sunnah wal jamaah dengan umaraknya dengan Raja-raja yang sedang berkuasa. Jadi ini yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kemudian ulamak dan umarak ini hendaklah bentuk dan fungsinya bersikap dalam suasana musyawarah dan usrah. Itu lagi kental, dalam bentuk musyawarah dan usrah. Apa makna musyawarah? Kalau umarak (raja) pada satu tempat dan ulamak di satu tempat yang lain, janganlah menunjukkan yang bahawa mereka punya kuasa-kuasa yang tertentu tetapi mesti ada musyawarah, mesti ada pemikiran bertolak ansur bercakap di antara satu dengan lain dan percakapan ini, bukan perintah; "Heh! engkau mesti buat begini." Bukan begitu, tetapi perintah ini, kata Kebawah Duli, mesti berbentuk usrah. Apa makna berbentuk usrah, hendaklah hubungan ulamak dengan umarak tadi bentuknya usrah—kekeluargaan, berbentuk keluarga, macam ayah dengan anak, macam bapak dengan emak, macam anak dengan menantu, kekeluargaan.

Memang Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini sangat

tinggi nilainya dan saya berharap, malahan saya mendoakan mudah-mudahan usrah dan musyawarah di antara umarak dan ulamak di dalam konteks mempertahankan negara kita dari segala macam bentuk khianat sama ada dari luar atau dari dalam dapat diselesaikan melalui sikap bertolak ansur dan saksama musyawarah dan usrah seperti yang telah dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, bila Baginda menyebut berkenaan dengan ulamak dan umarak tadi Baginda membuat contoh. Contoh begini: usaha meninggikan syiar Islam terus dipertingkatkan. Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, insya Allah dengan sendirinya akan menjadikan negara kita sebuah pusat kemajuan dan perkembangan Islam di dunia, itu contoh. Apabila Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong membuat contoh, bagaimana bentuknya satu masyarakat syiar Islam yang hendak dipertingkatkan itu, maka Baginda membuat contoh insya Allah sebuah Universiti Islam Antarabangsa akan diwujudkan di Malaysia ini dan kitapun sedang menengok-nengok satu Akta berkenaan dengan penubuhannya. Tidak lama lagi insya Allah akan tertubuhlah sebuah Universiti Islam, bukannya Universiti Islam Malaya atau Malaysia tetapi Universiti Islam Antarabangsa yang akan dikelolai oleh Malaysia dengan bantuan negara-negara Islam yang katanya Malaysialah yang sanggup buat kerja ini, kerana itu negara-negara Islam akan memberi bantuan.

Di sini jangan ada orang salah faham bahawa negara kita ini telah mewujudkan satu universiti baru dan akan timbul satu perasaan, "Ha! kami hendak buat Universiti Merdeka tidak bagi, buat Universiti Islam tidak apa." Maka timbullah satu perasaan yang menusuk hati perkauman balik kepada apa yang disebut pergeseran perkauman kepada masyarakat kita. Jangan ada salah faham daripada orang-orang yang bukan Islam di negara ini yang mengatakan bahawa sengaja kita hendak menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa ini kerana hendak menyakiti perasaan orang lain. Tidak ada. Kalau saya tidak salah saya

terbaca dalam suratkhbar bahawa pelajar-pelajar di dalam Universiti Islam Antarabangsa ini tidak terhad kepada orang Islam sahaja. Orang yang bukan Islam juga boleh belajar dalam Universiti Islam Antarabangsa, tidak terhad mesti orang belajar Syariah sahaja, sebab di dalam Universiti Islam Antarabangsa itu fakultinya nanti bukan Fakulti Syariah sahaja, Usulluddin sahaja, menyebut atau membahaskan masalah halal atau haram sahaja, masalah wujud Allah taala dengan tidak wujud, bukan itu sahaja. Tetapi iaitu mempelajari ilmu pengetahuan pada keseluruhannya secara umum—ilmu pengetahuan—tetapi ilmu pengetahuan itu berlandaskan kepada konsep-konsep Islam seperti yang disebutkan bahawa Islam itu ialah satu ugama yang menyuruh setiap umat mempelajari ilmu pengetahuan. Sehingga Islam menyuruh katanya pergilah belajar walaupun ke negeri China. Tuntutlah ilmu walaupun ke Negeri China sekalipun. Jadi apa yang kita hendak belajar ke negeri China? Hendak belajar Quran, hendak belajar tajwid ke negeri China? Tentu tidak. Bukan hendak belajar Quran di negeri China, sebab lidah kita lebih fasih daripada negeri China. Bukan kita hendak belajar tajwid, hendak belajar Alif-Ba-Ta; yang disuruh ajar itu benda yang tidak ada di negeri-negeri Islam, benda yang tidak ada di negeri kita, pergi belajar ke negeri China. Yang ada di negeri China tidak ada di negeri kita, pergi belajar di sana. Macam itu fahaman liberalnya Islam terhadap ilmu pengetahuan. Oleh kerana itu Universiti Islam Antarabangsa ini berbentuk international, berbentuk antarabangsa, setiap orang yang mempunyai kelayakan untuk menjadi mahasiswanya boleh jadi mahasiswa, boleh jadi doktor kalau ada Fakulti Perubatan, boleh jadi lawyer, kalau ada Fakulti Undang-undang di situ melalui Universiti Islam, tetapi mereka akan mendapat asas-asas pengetahuan Islam. Inilah konsep Islam atau konsep pengajian Islam yang hendak kita kembalikan kepada abad-abad yang dahulu sewaktu Kerajaan Islam berkuasa di Timur Tengah macam Kerajaan Abbasyiah yang pernah mengadakan universiti, mengadakan pengajian-pengajian tinggi, waktu itu orang-orang Eropah masih tutup mata, masih pakai cawat lagi. Setelah

orang-orang Islam dikalahkan di dalam Peperangan Salib (The Crusade War) manakala Kerajaan Islam telah jatuh satu demi satu segala kekayaan ilmu pengetahuan di Baghdad dibawa lari oleh kuasa-kuasa barat diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa barat, barulah orang-orang di Eropah buka mata, barulah orang Eropah tahu kepada ilmu pengetahuan, lalu orang-orang kitapun memandang ke barat. Sehingga orang Turkey pun memandang ke barat. Sehingga orang-orang Turkey manakala ia telah kalah dalam peperangan dunia pada tahun 1418, Mustafa Kamal Atartuk katanya tidak ada masa untuk hendak membahaskan halal haram, kita tutup Quran, kita tutup semua, kita pandang ke barat. Tukar kita punya Tarbus, ganti dengan topi tinggi; tukar kita punya baju tub dengan kot, tukar cara makan kita dengan garpu, cakup kita tukar, tulisan kita tukar daripada tulisan Arab kepada tulisan Romanise dan jangan ada lagi orang baca Quran dengan bahasa Arab, kalau hendak baca, baca dengan bahasa Turkey. Quran jangan dibaca, masjid jangan ada Azan dan sebagainya. 26 tahun! Azan tidak kedengaran di Turkey oleh Mustafa Kamal Atartuk kerana hendak memandang ke barat. Akhirnya negara Turkey menjadi negara sekular, negara yang meletakkan Islam di sebelah dan pemerintah dunia di sebelah, tidak campur dan sampai hari ini di Turkey Pejabat Ugama Islam bukan sebahagian daripada pejabat Kerajaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, manakala sudah sampai pandang ke barat, sehinggalah orang-orang tua kita bila British datang kemari, bila orang putih memerintah kita, bila kita dijajah pada tahun 1511, mulailah perasaan kebaratan itu dimasukkan sampai semua yang datang dari barat itu semuanya elok, semuanya bagus sehinggalah semua negeri-negeri kita ini dijajah satu demi satu dan setiap Raja-raja kita kena belajar ke England, kalau tidak datang ke England belajar, tidak sanggup, tidak boleh jadi Sultan. Macam itu dicelop Raja-raja kita, orang-orang besar kita, Menteri-menteri kita, anak-anak orang besar-besar kita, pergi ke England, pergi tengok ke barat, bila sampai di barat, pulang, dia bercakap orang putih lebih daripada

orang putih; dia bersikap orang putih, lebih daripada orang putih; pakaiannya lebih daripada orang putih; tabiatnya lebih daripada orang putih, sekalipun kulitnya hitam! Ini sikap orang kita. Ini sikap orang kita yang kita pusakai setiap yang keluar dari Eropah, bersekolah Inggeris, orang ini orang baik, bagus, orang nombor wahid, nombor satu—orang bagus. Orang yang balik dari England semua bagus-bagus belaka. Mana dari sekolah Melayu, ini sekolah atap, ini layak jadi askar, jadi Polis manakala orang yang layak jadi D.O. atau orang atas adalah orang keluar dari sekolah Inggeris. Maka keluarlah budak-budak kita ini dari sekolah Inggeris pakai tie, hari-hari pakai tie, lagaknya lebih daripada orang putih. Hidungnya pesek tetapi dengungnya lebih berdengung dari hidong orang putih yang mancung. Ini pandang ke barat.

Berapa tahun kita memandang ke barat? Kita memandang 100 tahun! Sehingga semua yang kita punya kalau bukan 'made in England'; itu tepi jalan punya; baju 'made in England'; kasut 'made in England'; kemeja 'made in England'. Kalau bukan 'made in England' orang ini orang tepi jalan, orang tidak ada kualiti—tidak ada nilai. Ini pandangan orang ke barat. Kalau cakap kita sama kita, mesti cakap orang putih. Kalau duduk kita sama kita, hitamnya lebih macam hitam saya, dia punya gelap kalau dia gelak, cuma gigi sahaja nampak, tetapi dia cakap orang putih juga dengan kita. Kalau tidak bercakap orang putih, murtabatnya jatuh. Orang tidak hormat dia, dan dia merasakan dirinya hina, inferiority complex melekat di dalam jiwanya. Dia orang besar! Dia orang belajar di England, sudah makan mentega 10 tong! Sudah makan keju sehingga peloh ketiaknya pun bau keju kerana itu dia mesti lagak seperti lagak orang putih. Berapa lama kita buat begitu? 100 tahun. Bila 100 tahun datang sampai orang kita yang keluar sekolah menengah, sekolah Melayu ini menengok muak, menengok orang. Maka ada golongan orang-orang sekolah atap ini katanya orang ini pandang ke barat, kita pandang ke timur. Soal pandang ke timur ini bukan soal baru, Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 1941 sudah ada arah-arah cakap pandang ke timur. Maka ada golongan yang pandang ke barat dan ada

golongan yang pergi pandang ke timur. Kata dia kalau Jepun datang memerintah, harga kain enam sen seela. Beras satu guni 60 sen, cukup senang. Ini orang Putih celaka—saya tarik balik perkataan 'celaka' itu—orang putih tidak elok, beri kita susah. Kita halau dia. Minta Jepun datang. Mulalah kita belajar bahasa Jepun. Belajar bahasa Jepun ini sedikit: ana tawa, wataki. Bila Jepun isytiharkan perang, sibuk orang-orang yang pandang ke Timur memakai X di lengan bajunya, Fuji wara kikang. Ini barangkali budak berumur 25 tahun tidak tahu cerita ini, Fuji wara kikang X, Headquartersnya di Taiping, Perak. Siapa yang ada X Fuji wara kikang selamat, tidak potong kepala. Masuklah Jepun. Bila masuk Jepun, kitapun kata mastak, mulalah kita belajar bahasa Jepun, *ho hai yo guzaimas, wata kusiwa jinponga* dan macam-macam yang kita belajar. Kita harap orang yang datang daripada Jepun orang yang baik. Tiga bulan tidak sampai kepada kita, yang paling baik dia dengan kita satu sahaja iaitu penampar, lain tidak baik. Makan diberi roti bersumbu. Orang Putih ala kulihal, dia tidak beri kita makan roti bersumbu. Orang Jepun dia beri kita makan roti bersumbu. Bila kita makan roti bersumbu, bersumbu perut, inilah Jepun. Kalau kita berbaris tidak betul, dia kata *bagero gana*. Sehingga 3½ atau tiga tahun lapan bulan kita rasa 380 tahun. Ini Pandang ke Timur.

Setelah kita tahu Pandang ke Barat, jadi kita kera, orang hitam pun mahu bercakap orang Putih sehingga cakap emak dengan perkataan mother. Dia cakap dengan emakpun dengan cakap orang Putih. Sampai bila bercakap dengan orang Putih? Dengan orang Timur main tampar bapapun kena tampar. Akhirnya kita dapat kemerdekaan dan sampai hari ini 25 tahun.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Yang Berhormat Datuk sudah berucap satu jam sekarang. Kalau dapat dipendekkan sedikit supaya membolehkan saya membenarkan sekurang-kurangnya seorang lagi berucap. Silakan.

Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, ini hanya sekadar hendak mengulang 25 tahun. Sebab saya berkhidmat di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini hampir 25 tahun. Saya hendak rekodkan cakap saya dalam Dewan Negara untuk cucu saya esok supaya mereka dapat mengetahui apa yang berlaku. Sebab kita ini ada Arkib Negara, baharu dibuat bangunannya itu. Jadi, eloklah Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap molek-molek sedikit supaya masuk ke dalam Arkib Negara itu dapat dibaca 200 tahun yang akan datang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, manakala kita sudah sampai merdeka sekarang dan kata orang *history repeats itself*, cerita ini berulang-ulang, sesudah itu mula balik kita tengok ke Barat sesudah perang. Sesudah itu orang Putih katuk kepala kita, kita pandang ke Timur. Jadi, saya suka hendak mengingatkan kita semua. Mana yang elok memandang ke Barat atau ke Timur. Ke Baratkah elok tengok atau ke Timurkah elok. Sebagai seorang Islam, saya ingin hendak mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Tuhan sendiri sudah tahu otak kita ini nanti berfikir tentang ingat ke Timur dan ingat ke Barat. Tetapi agama kita yang beri ingat kita iaitu saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Surah Al Baqarah ayat 177. Saya tidak membacakan ayatnya tetapi membacakan maknanya sahaja. Surah Al Baqarah ayat 177 Tuhan mengatakan: "Bukanlah dinamakan baik siapa-siapa yang menghadap ke Barat atau ke Timur." Ada orang kata hendak arah ke Timur ada kata hendak ke Barat. Tuhan kata ke Timurpun tidak baik, ke Baratpun tidak baik. Tidaklah kebaikan itu hanya menghadapkan muka ke Timur dan ke Barat tetapi kebaikan itu ialah beriman dengan Allah, hari Kiamat, Malaikat, Kitab dan Nabi-nabi. Memberikan harta kepada kaum kerabat, orang-orang susah anak-anak yatim, orang-orang miskin, orang-orang terlantar di dalam perjalanan, orang-orang yang minta untuk dilepaskan daripada perbudakan. Mengerjakan ibadat sembahyang, membayar zakat, membayar harta, income tax, menunaikan janji apabila berjanji dan sabar dalam kesengsaraan, kemelaratan, sabar di dalam peperangan

kalau berlaku peperangan. Mereka yang bersifat beginilah dinamakan orang-orang benar. Jadi, kebenaran kebaikan kita pandang dari sudut Al-Quran ke Timurkah, ke Baratkah asal dia berasaskan kepada taqwa kepada kebenaran, kepada hak kerana hendak mengukuhkan kedudukan kita, sebagai bangsa yang merdeka, kita terima. Kalau sekiranya ke Timur sekalipun, kalau sikapnya hendak menghapuskan hak kita, menjajah kita, menjadikan kita budak kita tolak dia habis-habisan. Jadi, memandang ke Timur bukan secara melulu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan bukan melulu, bukan telan bulat-bulat macam itu, betul, bagus, elok, tetapi hendaklah dibuat kategorinya dan hendaklah dibuat alif, ba, ta'nya—A. B. C. nya apa benda yang kita hendak ikut, apa benda yang tidak hendak kita ikut. Sebab di Timur ini banyak juga benda yang kita tidak boleh ikut. Kalau kita ikut jamnya, sekarang kita tidak boleh ikut jamnya kerana dua jam lebih dahulu daripada kita, sedangkan setengah jam dahulu sedikitpun kelam-kabut kita. Itu tidak boleh ikut. Kalau makan bersepit, itu tidak boleh ikut juga, susah juga itu. Kerja kuat itu boleh ikut. Kitapun kerja kuat juga tetapi tentang mana kerja hendak kuat itu hendak tengok juga. Satu benda saya cukup puji orang-orang Timur bila perang dunia, Tuan Yang di-Pertua, dahulu segala jambatan keretapi runtuh, apa dia kata, semua orang keluar buat jambatan balik. Kayu mana hendak cari? Dia tebang pokok getah, dia cucukkan pucuk getah itu ke bawah, pangkalnya ke atas, kepala locomotive keretapi itu boleh lalu 6 bulan tahan itu bagus. Tetapi 6 bulan jambatan jatuh ke bawah.

Jadi, kita harap national car kita ini janganlah besok tahan 6 bulan, masuk 6 bulan, 7 bulan habis. Kita harap Menteri-menteri kita akan dapat menggunakan kereta buatan kita. Pandang ke Timur ini, seorang Menteri-pun tidak pakai kereta orang Timur, semua barat, kalau tak BMW pakai Mercedes Belilah Datsunkah, Toyotakah, Hondakah. Ini cakap suruh ke Timur—ke Timur awak pakai Mercedes, bagaimana? Cakap macam

ini tidak boleh. Perdana Menteri patut kata kereta saya yang \$380,000 ini buang, ambil 220C, 280C Datsun itu pakai. Tiga hari esok tukar lain, harganya \$27,000. Kalau di luar kena cukai harga Kerajaan agaknya \$15,000 sahaja, kalau 6 bulan atau setahun pakai tidak apalah daripada \$80,000. Tuan Yang di-Pertua, saya harap pemimpin-pemimpin kita biarlah praktikal sebagaimana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan kita hendak dengan contoh-contoh buat. Jangan baju sahaja kita contoh—baju Jepun. Bagaimana baju Jepun bila menyambut 25 tahun merdeka semua pakai baju, pakai copiau, kolar putih keluar. Waktu saya jaga tentera Jepun saya ingat saya jadi tentera Jepun—cuma pedang sahaja tidak ada. Kalau ada pedang, ada patis putih, itu betul-betul Jepun, cakap Jepun sahaja tidak pandai. Jadi saya harap janganlah kita tiru bentuk-bentuk yang macam itu. Itu tidak boleh kita tiru. Yang kita boleh tiru yang mendatangkan keuntungan kepada kita, itu kita berikan sokongan yang sebulat-bulatnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meringkaskan supaya Tuan Yang di-Pertua jangan pandang saya lama-lama sangat, saya suka menarik—sedikit sahaja baru cakap saya ini tetapi apa hendak buat, sudah lebih, iaitu saya suka menarik perhatian kepada dasar Kerajaan iaitu Cekap, Bersih, Amanah. Ini suatu dasar yang baik. Kita kempen merata-rata dalam pilihanraya Cekap, Bersih, Amanah; Cekap, Bersih, Amanah, sampai budak-budak pun hafal. Siapa yang kempen ini? Kita. Kita ini siapa? Orang politik. Pegawai Kerajaan tidak kempen, dia duduk di Pejabat, dia tidak pernah sebut cekap, dia tidak pernah sebut amanah, dia tidak pernah sebut bersih, dia diam sahaja. Yang bercakap kita, sejak daripada Perdana Menteri kita sampai kepada Ahli dalam Dewan Rakyat, Dewan Negara; Cekap, Bersih, Amanah. Di mana-mana: Cekap, Bersih, Amanah; Cekap, Bersih, Amanah. Pegawai-pegawai Kerajaan diam. Mengapa diam? Yang cekap itu cekaplah, cekap memang cekap sebab banyak yang kena. Fasal cekap ini banyak yang kena masuk ke dalam, ada yang kena BPR sebab cekaplah, sebab tidak bersih, sebab tidak amanah. Siapa hendak ambil tahu tentang Cekap, Bersih, Amanah.

Sebagai contoh, Yang Berhormat sahabat saya kata tadi bandar Kuala Lumpur hendak dibuat satu rancangan Kuala Lumpur. Rancangan Kuala Lumpur ini terutama sekali kita hendak tanya di mana letaknya orang Melayu sebab kalau orang Melayu tidak ada di Kuala Lumpur ini tidak ada makna Kuala Lumpur ini dibina dan dibangun pun. Maka orang Melayu itu ada di Kampung Datuk Keramat, orang Melayu ada di Kampung Baharu, orang Melayu ada di Gombak, orang Melayu ada di tempat-tempat di sepanjang sungai, dekat tanah-tanah haram. Apa dasar Kerajaan terhadap mereka ini? Apa rancangan hendak dibuat terhadap orang ini?

Pernah dialog telah diadakan di antara Pegawai Kerajaan dengan kami orang-orang kampung. Dia kata: buat sendirilah, UDA, ada, MARA ada. Jadi saya kata Wakil Rakyat pun tidak ada. Di dalam dialog itu Wakil Rakyat pun tidak ada, Wakil Rakyat Setapak tidak ada, orang Melayu di Gombak ini hendak hanyut masuk ke Sungai Kelang, Wakil Rakyatnya tidak ada, hendak membahaskan masa depan orang Melayu ini tidak ada Wakil Rakyat, Subhanallah, sudah matikah? Tidak ada pula Pilihanraya Kecil. Jadi begitu, elok pula Wakil Rakyat dahulu, ada juga dia ambil tahu sedikit.

Ini bah di Gombak hanyut segala jambatan, Wakil Rakyat tidak datang tengok. Apa lagi kalau kita tanya pegawai-pegawai Kerajaan, dia kata: aku naik ni bukan orang undi, aku naik, sebab aku ada Ph. D., sebab aku PTD (Pegawai Tadbir) (*Ketawa*), sebab itu aku naik, aku tidak peduli siapa. Awak naik sebab orang undi, orang tidak undi, out. Wakil Rakyat tidak datang tengok rakyat susah. Jadi bila ditanya mengenai rancangan Kuala Lumpur ini, apa awak hendak buat? Saya tinggal dekat Kampung Gombak. Saya kata ini Gombak, satu kampung jalannya kecil sahaja, elektrik tidak sempurna, air tidak sempurna, sekarang ini dimasukkan telefon. Telefon yang dimasukkan untuk rakyat ini dipilih-pilih tempat, lot-lot mana yang ada dipilih-pilih, mana yang patut ditinggal. Bagaimana rancangan Kuala Lumpur ini dalam bentuk yang seperti ini, yang tidak

dapat diberi rancangan yang baik, di mana cekapnya yang dikatakan cekap itu. Ini saya tidak kata Menteri, saya kata pegawai.

Di sini ada surat, saya hendak jumpa pegawai itu esok. Dia tidak datang langsung tengok tempat itu. Jadi, bagaimana pegawai ini cekap namanya. Saya kata, saya akan bawa perkara ini dalam Dewan Negara. Bawalah, kata dia. Besok awak saya cakapkan kepada Menteri. Cakaplah. Menteri hendak buat apa dengan saya, dia bukan boleh buang saya kerja. Ya, juga (*Ketawa*). Kita kena buat baik dengan dia sebab yang kena sains bukan Menteri. Menteri tidak ada benda, dia takut kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sahaja, Menteri-menteri yang lain ini, di belakang di pulas sahaja telinganya oleh pegawai-pegawai Kerajaan, depan ini sahaja: Yang Berhormat, Yang Berhormat; di belakang, Subhanallah. Ini yang saya harap, Menteri-menteri seperti Yang di-Pertuan Agong kata tadi mesti ada hubungan yang erat di antara umarah dengan ulamak, pemimpin dengan pegawai. Kalau pemimpin dengan pegawai ini tidak ada hubungan yang rapat, susah. Cakap kita boleh cakap tetapi bila hendak melaksanakan tidak ada jalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah rancangan Kuala Lumpur ini, Menteri yang berkenaan dengan Wilayah ini kalau hendak tahu tempat itu saya boleh tunjukkan. Kalau ada pegawai Menteri Wilayah ini tolong berhubung dengan saya, saya hendak bawa Menteri Wilayah, saya hendak tunjukkan tempat bagaimana kerja yang dibuat oleh orang-orang ini semua sekali, kerja yang merugikan dan tidak menyenangkan rakyat. Itu satu contoh. Banyak lagi contoh yang dibuat kalau hendak dibuat contoh, tetapi apa boleh buat, kita terpaksa berdiplomasi sedikit, kalau tidak langsung tidak dapat. Oleh kerana itu Kerajaan cekap, Kerajaan bersih, Kerajaan amanah hendaklah diamalkan, jangan nanti kami orang politik juga yang kelim-kabut, bercakap di depan orang ramai pertahankan, pertahankan; dengan kita juga yang susah, hancur.

Sekarang ini kita hendak melahirkan suatu bangsa yang baik melalui pendidikan. Tuan

Yang di-Pertua tahu Sekolah Menengah Kebangsaan sekarang ini murid-muridnya besar-besar, murid-murid perempuan lagi, umurnya berapa tahun. Bila ada cuti sekolah mereka adakan disko, di antara guru dengan murid menari. Percaya Tuan Yang di-Pertua atau tidak? Barangkali Tuan Yang di-Pertua tidak percaya, saya pun tidak percaya. Rosak akhlak, sebab murid itu sudah besar, sudah Form VI, murid perempuan Form VI, Form V umurnya sudah berapa tahun? Sudah 17 tahun, boleh jadi emak. Bila hendak cuti sekolah panggil guru, guru muda pula adakan disko, gunakan macam-macam. Kalau sekiranya jauh dari kampung orang tidak apa, ini dekat dengan kampung orang Melayu, dekat dengan surau. Ini apa ceritanya. Ini di mana cekapnya: Tentang hal itu cakaplah. Di mana bersihnya macam ini. Ini guru-guru sekolah. Ini guru-guru yang memandang ke Barat, kalau guru-guru yang memandang ke Timur: "Omayya bigaro", "Pak"—kena lempang! Ini Pandang ke Barat, kerjanya disko. Aturan sekolah kita sekarang, engkau dapat, engkau tidak dapat, engkau punya pasal. Engkau lulus, tidak lulus, engkau punya suka. Pukul tidak boleh, cubit tidak boleh, apapun tidak boleh. Kalau anak kena marah, bapa datang marah guru. Gurupun berkata: ikut engkau punya suka. Ini sikapnya.

Maka oleh kerana itu saya rasa Kerajaan kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato Seri Dr Mahathir, akan lebih dapat memahami apa sebenarnya yang berlaku dalam masyarakat kita. Masanya tidak telalu panjang, masanya pendek sangat kalau hendak menjadikan negara kita ini negara yang berstabil dan bermaruah, maka hendaklah kita sentiasa menjaga unsur-unsur Islam, kita masukkan unsur-unsur Islam ke dalam masyarakat kita, terutama sekali dalam masyarakat. Jangan cakap sahaja. Kalau cakap sahajapun tak guna juga. Apa yang kita buat kebaikan semua sekali dikatakan tak betul.

Orang parti Pembangkang kita buat masjidpun dia kata tak betul juga. Kita buat Tabung Hajipun orang kata tak betul juga. Baru-baru ini Tabung Haji berapa susah

25,000 orang yang telah diuruskan pada satu masa, pada satu saat, pada satu ketika di Mekah oleh kakitangan Tabung Haji yang ada 120 orang sahaja. Balik-balik bukan dia cerita yang baik, bukan dia cerita bagaimana dia dapat haji mabrul, bukan dia cerita bagaimana dia seronok sembahyang di hadapan Ka'abah, bukan dia balik menceritakan bagaimana dia khusus keluar airmata berjumpa Makam Nabi, tetapi dia ceritakan bagaimana Arab jahat, bagaimana dia tak dapat tidur, bagaimana barang makanan mahal. Itu ceritanya. Bila balik dia cerita yang jahat Tabung Haji, Tabung Haji jahat. Kita sudah buat begitu banyak kebaikan. Kewajipan daripada Kerajaan kita menubuhkan Tabung Haji untuk meringankan bebanan. Kepada pegawai kita kepada orang-orang kita, kepada jemaah kita bukan hendak dapat terima kasih, pelemgang dapat, maki lagi dapat. Ini dia sikap orang pergi ke Mekah. Ada yang pergi ke Mekah itu sahaja hendak hilangkan cat dia hendak buat cat baru sebab apabila pergi ke Mekah itu dapat gelaran "haji"lah, kalau sudah haji itu hilanglah sedikit cat merahnya. Jadi pergi ke Mekah ada tujuan, bukan tujuan haji mabrul, tetapi ada tujuan lain maka yang nampak di Mekah itu hanya yang buruk. Susah orang tak nampak. Kalau ada orang pergi ke Mekah dengan harapan hendak senang, hendak duduk macam Istana, tak usahlah pergi ke Mekah, baiklah duduk di rumah. Kalau hendak berkepit, eloklah duduk di rumah. Kalau di Mekah tak ada yang senang, susah semua sekali dan susah inilah yang diberi nilai oleh Allah s.w.t. bagi orang yang mengerjakan ibadat haji.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya yang menyertai sahabat saya Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Abu Samah, saya suka menarik perhatian Dewan ini sekali lagi kepada janji-janji Kerajaan yang hendak mengastabilkan kedudukan ekonomi, politik serta kehidupan rakyat di negara kita ini. Saya ingin supaya Kerajaan meneliti soal ini dengan sedalam-dalamnya. Saya harap supaya Kerajaan tumpukan perhatiannya kepada mereka yang menoreh getah, harga satu kilo berapa sen sekarang, tak sampai satu kati gula dapat

dibeli, kelapa hanya 5-10 sen sebiji, koko bukan dapat dimakan. Inilah penghidupan rakyat. Kita di sini senang juga, alhamdulillah, syukur tetapi penghidupan rakyat kian lama kian susah, kian lama kian payah. Maka oleh kerana itu saya mengharap dengan masuknya tahun baru 1983 kita akan dapat kita pujuk, dasar Kerajaan kita akan lebih mantap, pemimpin-pemimpin kita akan lebih berani menghadapi semua persoalan. Kita berdoa ke hadrat Allah s.w.t. mudah-mudahan pemimpin-pemimpin kita, menteri-menteri kita, terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinetnya diberi Allah kesihatan dan pemikiran yang kuat untuk membela rakyat di dalam menghadapi inflasi dunia yang mencengkam tiap-tiap tengkuk rakyat dan saya harap kita akan dapat melepaskan diri kita daripada cengkaman yang hebat ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Saya jemput Yang Berhormat Senator Kumaran.

6.05 ptg.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong usul terima kasih Titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung semasa merasmikan Mesyuarat Pertama—Penggal Pertama, Parlimen Keenam pada 11hb Oktober, 1982.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas Titah Ucapan yang penuh semangat dan bernaas bagi pembangunan dan kemajuan negara untuk menjalinkan suatu warga, satu bahasa dan satu budaya. Atas asas inilah kita membina satu negara Malaysia yang gemilang.

Dalam tempoh suku abad negara kita mencapai kemerdekaan, kami telah menyaksikan perkembangan fizikal yang amat mengagumkan. Polisi-polisi Kerajaan yang enlightened telah menjalin suatu negara yang aman dan bersatu-padu dan cara pentadbiran yang cekap, bersih dan amanah telah menghapuskan frastasi dan unrest di kalangan rakyat.

Cara pentadbiran Kerajaan sekarang oleh pemimpin 2M adalah amat membanggakan. Di samping memuji dan mengucapkan tahniah atas cara pentadbiran Kerajaan 2M ini maka adalah patut kita memberi penghargaan kepada pemimpin-pemimpin kita yang lalu yang berjuang bersungguh-sungguh supaya kita dan generasi akan datang dapat menikmati hasil usaha mereka.

Memang kena pada tempatnya kita memperingati jasa-jasa yang dilakukan oleh tokoh-tokoh kemerdekaan kita, terutama bapa mereka Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak, Yang Berhormat Tun Tan Siew Sin, mendiang Yang Berhormat Tun V. T. Sambanthan dan lain-lain tokoh kebangsaan berkorban yang telah banyak berkorban untuk menjadikan kemerdekaan kita satu kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kita merayakan Ulang Tahun Kemerdekaan, beberapa banduan dan orang-orang tahanan politik telah dibebaskan. Perbuatan ini telah menunjukkan Kerajaan adalah Kerajaan yang liberal dan berperikemanusiaan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian Kerajaan kepada suatu golongan manusia dalam masyarakat kita yang hidup dengan penuh kehampaan selama beberapa tahun ini. Golongan manusia ini adalah bertujuan menjadi warganegara Malaysia telah memohon kerakyatan beberapa tahun dahulu, tetapi malangnya permohonan mereka masih dalam perhatian dan belum lagi mendapat jawapan walaupun beberapa tahun telah berlalu. Kebanyakan mereka ini telah lama duduk di negara ini, malah banyak yang dilahirkan di negara ini dan 'bersungguh-sungguh' ingin menjadikan negara ini negara pertiwi mereka. Mereka mempunyai kelayakan untuk menjadi warganegara Malaysia, tetapi prerogatif meluluskan kerakyatan yang terletak di tangan Kerajaan telah melambatkan proses kelulusan ini.

Mereka ini setiap hari menunggu dijadikan warganegara tanah ini agar mereka memupuk a sense of belonging kepada negara ini. Memandangkan beberapa orang tahanan dan

banduan boleh dibebaskan atas perikemanusiaan semasa Perayaan 25 Tahun Merdeka ini, saya merayu kepada Kerajaan agar semua pemohon sehingga 31hb Ogos, 1982 ini diberi peluang dan dijadikan warganegara Malaysia sebagai satu tanda goodwill semasa kami masih merayakan kemerdekaan suku abad negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana dasar antarabangsa yang mengukuhkan hubungan dan kerjasama di antara kita dan negara-negara ASEAN, negara-negara Islam, negara-negara berkecuali dan negara-negara Komanwel terus dipertingkatkan ke arah dunia yang aman tenteram dan maju. Tetapi tingkah laku sebilangan kecil negara di rantau ini tidak menyumbangkan ke arah ketenteraman negara, malah mencurahkan minyak kepada api yang menyala. Keengganan tentera Vietnam mengundur diri dari Kampuchea dan tentera Russia mengundur diri dari Afghanistan adalah faktor utama bagi kekecohan di rantau ini. Vietnam dan penyokong-penyokongnya tidak mahu menerima kenyataan bahawa Demokratik Kampuchea yang dipimpin oleh Putera Norodom Sihanouk adalah Kerajaan yang sah bagi negara itu. Sokongan bagi usul Vietnam di Bangsa-bangsa Bersatu telah merosot tetapi Vietnam dan rakan-rakannya masih enggan 'world opinion'. Pengundian yang menolak usul Vietnam adalah suatu tamparan hebat dan telah menjadikan mereka kera sumbang di forum antarabangsa itu.

Walaupun demikian, Vietnam masih degil dan berada di Kampuchea di mana negaranya sendiri terancam oleh kemerosotan ekonomi yang paling teruk, hanya diselamatkan oleh bantuan negara-negara Soviet Blok dan agensi-agensinya antarabangsa. Vietnam merasa gagah di atas kemenangan France dan Amerika Syarikat pada masa lampau. Kini mereka cuba memerangi dunia, mereka selalu menyebut tentang keganasan regim Pol Pot sebagai alasan mereka berada di Kampuchea, tetapi mereka gagal memahami realiti bahawa Demokratik Kampuchea pimpinan Putera Norodom Sihanouk mendapat sokongan yang bertambah hari demi hari.

Oleh yang demikian ASEAN, terutama Malaysia, hendaklah memberi sokongan yang sepenuhnya bagi Kerajaan Demokratik Kampuchea pimpinan Putera Norodom Sihanouk. Malaysia hendaklah juga menimbangkan kemungkinan memberi bantuan moral, material dan ketenteraan kepada negara-negara jiran, jika sekiranya Vietnam cuba mencabuli kawasan negara-negara jiran kami.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun keadaan rantau Vietnam tidak menyenangkan, perkembangan politik antarabangsa adalah amat memuaskan. Lawatan Menteri Luar China ke Soviet Russia untuk menghadiri pengkebumian Presiden Brezhnev dan selepas itu perbincangan sulit dengan pengganti bekas pemimpin Russia itu telah membuka bab baru ke arah keamanan dalam perhubungan Sino-Viet, dua negara gergasi komunis yang mempunyai ideologi berlainan itu. Begitu juga lawatan President Zia dari Pakistan ke India dan seterusnya ke Soviet Russia dan Amerika Syarikat telah membuka jalan perbincangan kedamaian di rantau itu. Lawatan President Zia ke Soviet Russia nescaya akan mengurangkan penglibatan tentera Soviet Russia ke Afghanistan, besar kemungkinan lawatan-lawatan ini akan mengurangkan persengketaan di antara Vietnam, Kampuchea, Afghanistan, Pakistan, India, Russia, China dan Amerika Syarikat. Semoga lawatan-lawatan ini memberi faedah dan membawa keamanan di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pengeluar bahan-bahan utama yang terbesar, pendapatan negara telah merosot kesan dari kejatuhan harga bahan-bahan berkenaan di pasaran dunia, berikutan dengan kemelesetan ekonomi dunia. Kadar faedah yang tinggi menjejaskan pelaburan perniagaan dan perbelanjaan pengguna. Selain daripada faktor-faktor tersebut di atas, negara-negara yang maju cuba mengeksploitasikan keadaan kemelesetan ini untuk mencapai hasrat dan kepentingan mereka. Kita mestilah mengenalpastikan negara-negara ini dan mengambil sesuatu tindakan yang membawa manfaat dan dapat disedari oleh negara-negara maju ini. Dalam konteks ini, saya

mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang mengamalkan dasar 'Jangan beli barangan British jika boleh dielak'. Selain daripada negara ini, ada juga negara-negara yang cuba sabotajkan keadaan ekonomi negara kita dengan kekuatan kewangan negara kita dengan kekuatan kewangan negara mereka itu. Amerika Syarikat yang enggan menyertai Perjanjian Timah Antarabangsa dan mengeluarkan getah simpanan mereka tanpa persetujuan Malaysia adalah contoh-contoh yang baik untuk menunjukkan bagaimana mereka mempermainkan ekonomi negara kita ini. Saya berpendapat tindakan yang tegas hendaklah diambil terhadap negara itu. Sebagai suatu langkah yang pertama, Kerajaan hendaklah menjalankan kempen memboikotkan barang-barang buatan Amerika Syarikat, dengan tindakan seperti ini, dapatlah kami sampaikan kekeciwaan kami kepada negara itu. Jika keadaan terus tidak bertambah baik, tindakan-tindakan yang lebih tegas seperti pengharaman import barangan Amerika Syarikat hendaklah dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai suatu langkah untuk memperkukuhkan ekonomi negara, Malaysia hendaklah mengambil tindakan untuk mengurangkan 'independence' atas bijih timah, walaupun negara kita adalah negara utama di dunia yang mengeluarkan bijih timah, stok bijih tidaklah begitu memuaskan. Ini bermakna, lebih banyak negara yang tidak mengeluarkan bijih timah mempunyai simpanan stok yang lebih banyak dari Malaysia. Keadaan ini adalah merbahaya kerana negara-negara ini dapat mempermainkan harga bahan tersebut di pasaran dunia. Untuk mengelakkan keadaan ini, Kerajaan hendaklah melombong logam-logam yang lain terdapat di negara ini. Saya difahamkan tanah Malaysia ini mengandungi logam-logam seperti tembaga, lead, zinc, emas dan perak, mercury dan uranium juga terdapat sedikit sebanyak di sini. Kerajaan hendaklah menjemput pelabur-pelabur asing dan membuat kajian atas perlombongan mineral-mineral ini, jika keadaan memerlukan pelepasan cukai hendaklah juga

diberi untuk menggalakkan exploration dan pengajian. Dengan adanya bahan-bahan ini, dapatlah kami mengeksportkan berbagai logam dan tidak bergantung hanya pada bijih timah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini adalah berkenaan dengan setingan. Masalah setingan ini adalah terlalu kompleks dan hendaklah dikaji dari pelbagai dimensi—keundangan, sosial, ekonomi dan politik.

Di sekitar beberapa bandar besar di mana perkembangan berlaku, terdapat koloni setingan yang muncul seperti cendawan. Penduduk setingan ini adalah terdiri dari golongan yang miskin yang tidak mempunyai rumah, walaupun demikian, Kerajaan hendaklah mengambil tindakan untuk merebaknya koloni setingan ini. Pada masa ini penduduk-penduduk setingan tinggal di koloni-koloni ini dengan penganggapan bahawa Kerajaan akan memberi keutamaan dalam pemilihan rumah murah atau akan memberi pampasan yang lumayan jika disuruh keluar dari koloni itu atas sebab-sebab pembangunan, penganggapan ini adalah salah. Jika keutamaan dalam pemilihan rumah murah dan pampasan diberi, saya khawatir mendirikan rumah-rumah di tanah haram akan menjadi suatu perniagaan yang untung.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh simpati dengan setingan miskin ini tetapi janganlah mereka diberi keutamaan dan menikmati faedah-faedah kelebihan daripada warganegara yang senasib dengan mereka yang mematuhi undang-undang dan menunggu peluang mereka memiliki rumah murah, tanpa mendirikan rumah-rumah haram seperti tersebut.

Saya bukan menyuruh segala koloni setingan hendaklah dirobuhkan, malah koloni-koloni yang tidak menjejaskan kemajuan negara hendak dipegunkan dan diberi kemudahan-kemudahan asas seperti air dan api. Saya mengambil peluang ini untuk merayu kepada Kerajaan supaya suatu

Jabatan Setingan ditubuhkan untuk mengidentifikasi tanah-tanah terbiar untuk dijadikan lot perumahan bagi orang-orang miskin dan menyelesaikan masalah-masalah setingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh setuju dengan Titah Ucapan yang menekankan kepentingan pendidikan dalam membentuk sebuah masyarakat moden yang gigih menghadapi segala cabaran. Sebagai seorang bekas pendidik, saya mengalu-alukan angin perubahan yang melanda dengan penuh semangat dalam sistem pelajaran negara ini. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa perubahan telah berlaku dan banyak lagi akan berlaku tidak lama lagi. Pada mulanya, Kerajaan telah mengenalkan Sistem Persijilan Terbuka (Open Certificate System) bagi peperiksaan awam. Selepas itu, suatu langkah bijak diambil dengan mengenalkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) lebih dikenali dengan nama 3M.

Pada bulan April, Kerajaan telah mengumumkan hasratnya untuk menghapuskan sesi petang sekolah. Sistem pentadbiran Jabatan-jabatan Pelajaran juga decentralisakan semenjak bulan Jun. Kementerian juga sedang menimbang kemungkinan mendirikan suatu lagi universiti dan baru-baru ini telah mengumumkan struktur Tingkatan Enam akan diubahsuai. Semua perubahan ini adalah perubahan-perubahan yang disanjung tinggi. Akan tetapi, dalam pelaksanaan perubahan-perubahan ini terdapat beberapa kekurangan yang harus diberi perhatian dan diatasi dengan segera. Pada masa ini semua buku panduan dan buku sumber bagi KBSR adalah dalam Bahasa Malaysia. Walaupun guru-guru sekolah Tamil boleh memahami dan menterjemah bahan-bahan Buku Panduan dan Buku Sumber, saya khawatir penterjemah tersebut tidak akan menjadi standard bagi semua sekolah dan mungkin terdapat beberapa intepretasi yang berlainan. Ini adalah perkara yang bahaya. Memandangkan keadaan ini, saya merayu semua buku panduan dan buku sumber KBSR hendaklah diterjemahkan dalam bahasa ibunda sekolah masing-masing.

Untuk mendapat kejayaan yang sepenuhnya apabila KBSR dilaksanakan pada tahun hadapan di semua sekolah, pengawasan dan bimbingan hendaklah diberi oleh pegawai-pegawai bahasa yang memahami dan mengetahui bahasa ibunda dengan sepenuhnya. Justru itu, saya merayu guru-guru sekolah Tamil diberi peluang dinaikkan pangkat untuk mengawasi pelaksanaan KBSR di sekolah-sekolah Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengaku pengetahuan tidak boleh disekatkan dan dikompartmentalakan. Kebebasan memilih matapelajaran di Tingkatan Enam akan membuka jalan mendirikan rakyat yang lebih luas dalam pemikiran dan dapat memilih career yang sesuai dengan kemampuan dan abiliti masing-masing. Sistem pemilihan murid bagi aliran sastra dan sains yang wujud sekarang telah memberi prasangka yang tidak diingini terhadap murid-murid aliran sastera. Pada usia yang agak muda murid-murid dijeniskan dan mereka disuruh apa yang mereka patut belajar dan tidak boleh belajar. Oleh yang demikian, langkah Kerajaan untuk struktur semula cara pemilihan matapelajaran adalah suatu langkah yang bijak dan patut dipuji. Akan tetapi, saya berharap opsyen pemilihan matapelajaran hendaklah diberi semasa penuntut itu berada di Tingkatan Empat di mana terdapat banyak matapelajaran agar dapat mereka memilih matapelajaran-matapelajaran dan specialise apabila sampai ke Tingkatan Enam. Dengan ini, seorang penuntut aliran sains dapat memilih matapelajaran sastera dan specialise dalam bidang itu juga. Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian akan menimbangkan kemungkinan mengkaji semula sukatan pelajaran dari peringkat Tingkatan Empat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang ini memuji sistem pentadbiran yang lebih cekap dan berkesan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan cara dan pendekatan baru. Polisi 'Pandang ke Timur' telah menerima statusnya di forum-forum antarabangsa dan negara-negara asing mula menghormati pendirian

Malaysia ini. Polisi 'Pandang ke Timur' sudah sampai satu tahun semenjak pengisytiharannya dan kini negara-negara Timur sudah mula bekerjasama menjayakan polisi Malaysia ini. Akan tetapi, struktur pentadbiran sebilangan Kementerian tidak memberi kepuasan kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan. Beberapa bahagian profesyen dalam beberapa Kementerian seperti Pelajaran, Kesihatan dan sebagainya yang dahulunya dikuasai oleh pegawai-pegawai profesional, iaitu pegawai-pegawai perkhidmatan masing-masing telah diletak di bawah kuasa mereka yang tidak berpengalaman serta kurang keupayaan untuk mengambil keputusan atas hal-hal profesional. Saya berpendapat amalan ini sedang dan akan terus membawa akibat yang buruk kepada Kementerian dan profesion berkenaan. Saya juga bersependapat dengan Yang Amat Berhormat Perdana bahawa cuma mereka yang berkelayakan, berkebolehan dan berpengetahuan sahaja patut dilantik ke sesuatu jawatan. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan mengambil tindakan menyusun semula strukturnya supaya menentukan bahawa Kementerian-kementerian dikuasai oleh pegawai-pegawai pentadbiran yang profesional dalam bidang tertentu yang relevant.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional yang mencapai kejayaan yang cemerlang di dalam pilihanraya umum baru-baru ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir. Kejayaan cemerlang ini adalah suatu hadiah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengamalkan sistem Kerajaan yang Cekap, Bersih dan Amanah.

Dengan ini saya menyokong usul Terima Kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Terlalu cepat sangat sehingga kita tak faham apa yang dicakap. Saya jemput Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Nor.

6.26 *ptg.*

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kemurahan Dato' memberi saya peluang untuk berkata sedikit sepele dua atas usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dengan sukacitanya menyokong suatu usul yang dikemukakan untuk dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan rasmi Penggal Pertama, Parlimen Keenam pada 11hb Oktober yang lalu. Izinkan saya menyentuh sedikit sebanyak perkara-perkara yang berbangkit daripada Titah Ucapan Baginda yang penuh dengan hasrat kemakmuran dan kesejahteraan negara dan rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit perkara kemelesetan ekonomi. Ekonomi dunia di masa ini berayun di atas titian sehelai rambut dan mungkin terjunam ke satu lagi zaman di mana ekonomi antarabangsa akan hancur sama sekali. Perjuangan kita dengan kecelakaan pisau cukur bermata dua, iaitu tekanan inflasi dan kelembapan pertumbuhan ekonomi nampaknya semakin lemah dan mungkin kita akan ditewas. Kadar faedah yang zalim telah memusnahkan berjuta-juta perniagaan di seluruh dunia, malah beberapa negara telah dimusnahkan dan akan dimusnah sebagai yang telah dibuktikan di Benua Amerika Selatan dan di Benua Eropah. Kelemahan ekonomi dunia akan menjelma sebagai puting beliong yang menghisap semua sistem

peraturan ekonomi dan akan meninggalkan kita semua dengan kepaapaan sebagai suasana 'The Great Depression' dalam tahun 30an.

Sekarang semua negara bergerak daripada kecemasan ke hala ke bencana (from crisis to catastrophe). Semua Kerajaan mencari tunggul-tunggul atau scapegoat untuk mencela dan menuduh sebab-sebab yang luar biasa yang menghela ekonomi mereka ke jurang kemelesetan yang buruk. Semua negara menyalahkan negara Amerika Syarikat yang mewujudkan Dasar Belanjawan yang tidak terbanding besar kekurangan dan juga dasar kadar faedah pinjaman dollar yang meningkat tinggi. Amerika Syarikat di sebaliknya menuduh negara-negara Eropah, negara Jepun dan lain-lain negara melambat (dumping) bahan-bahan separuh masak, seperti besi keluli dan barangan eksport yang ditokok subsidi ke pasaran Amerika Syarikat. Pertengkaran ini menimbulkan cabaran ekonomi nasionalisma dan peperangan perdagangan perlindungan (protectionist trade warfare).

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Yang Berhormat Dato' boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad: Terima kasih.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 3.00 petang hari esok, 10hb Disember, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.